



# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KELIMA**  
*Fifth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

## **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 6085]**

**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18  
[Ruangan 6107]**

**PENERANGAN SENDIRI DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 25 [Ruangan 6109]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 6112]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia [Ruangan 6112]**

**UCAPAN PENANGGUHAN:**

**Kilang-kilang Haram di Wilayah Persekutuan [Ruangan 6170]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG PERTAMA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., B.S.I., P.I.S.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- .. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- .. Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**
- .. Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- .. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).**
- .. Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- .. Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**
- .. Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**
- .. Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- .. Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).**
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- .. Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- .. Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- .. Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**

- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**
- .. Menteri Perusahaan Utama, **TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).**
  - .. Menteri Perusahaan Awam, **TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).**
  - .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).**
  - .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, **DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).**
  - .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, **DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).**
  - .. Timbalan Menteri Pelajaran, **DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).**
  - .. Timbalan Menteri Pertahanan, **DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).**
  - .. Timbalan Menteri Kesihatan, **DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).**
  - .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).**
  - .. Timbalan Menteri Pengangkutan, **DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).**
  - .. Timbalan Menteri Kewangan, **DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).**
  - .. Timbalan Menteri Pengangkutan, **TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).**
  - .. Timbalan Menteri Pertanian, **TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S (Saratok).**
  - .. Timbalan Menteri Kewangan, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).**
  - .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).**
  - .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).**
  - .. Timbalan Menteri Pelajaran, **TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).**
  - .. Timbalan Menteri Penerangan, **DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).**
  - .. Timbalan Menteri Pertanian, **TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).**
  - .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI DATO' SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).**
  - .. Timbalan Menteri Undang-undang, **DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).**
  - .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).**
  - .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N. (Sungei Siput).**
  - .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).**
  - .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).**

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam,  
**DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).**
- ” Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).**
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, **TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).**
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, **TUAN LUHAT WAN (Baram).**
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, **TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).**
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, **DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).**
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, **DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).**
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, **TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).**
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, **TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).**
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, **TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).**
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, **TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).**
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, **TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).**
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).**
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, **TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).**
- ” **TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).**
- ” **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).**
- ” **TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).**
- ” **TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).**
- ” **TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).**
- ” **DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).**
- ” **TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).**
- ” **DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).**
- ” **TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).**
- ” **TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).**
- ” **TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).**
- ” **DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).**
- ” **TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).**
- ” **TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).**
- ” **TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).**
- ” **TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).**
- ” **TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).**

Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

„ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

„ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).

„ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).

„ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).

„ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).

„ TUAN V. DAVID (Damansara).

„ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

„ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).

„ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

„ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).

„ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).

„ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

„ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).

„ DR HEE TIEN LAI A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).

„ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).

„ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).

„ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).

„ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).

„ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).

„ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).

„ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).

„ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).

„ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).

„ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).

„ TUAN MARK KODING (Kinabalu).

„ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

„ TUAN LEE KAW (Keluang).

„ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

„ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).

„ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).

„ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).

„ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).

„ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).

„ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

„ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

„ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa)
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## DEWAN RAKYAT

---

 Selasa, 12hb Jun, 1979
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**NELAYAN-NELAYAN MENCARI  
PERLINDUNGAN DI PULAU BIDONG**

1. **Tuan Awang bin Jabar** (*di bawah S. O. 24*) (2) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar atau tidak Pulau Bidong (yang diisytiharkan kawasan larangan sekarang) adalah merupakan tempat nelayan-nelayan tempatan mencari perlindungan sejak turun temurun lagi apabila mereka berada di dalam kecemasan, dipukul ribut misalnya. Jika sedar, adakah Kementerian ini bercadang untuk memberi kelonggaran kepada mereka ini supaya pulau ini boleh digunakan semasa mereka benar-benar berada di dalam keadaan kecemasan yang boleh mengancamkan nyawa mereka.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, nelayan-nelayan yang benar-benar dalam kecemasan sehingga mengancam nyawa boleh mendarat bagi mendapatkan perlindungan tetapi diminta mereka melaporkan diri kepada Pondok Polis yang mengawal di pulau yang tersebut.

**PELARIAN-PELARIAN YANG MATI  
LEMAS**

2. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan telah siap siasatannya ke atas kejadian mati lemas seramai 104 orang pelarian-pelarian berhampiran Pulau Pemanggil dekat Mersing pada 31hb Mac, ini dan memandang

kepada komen-komen buruk yang dibuat oleh Wakil Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu bagi orang-orang pelarian, Encik R. Sempat Kumar, sila beri sate laporan mengenai bagaimana insiden yang tragik ini berlaku yang telah merosakkan dengan teruk imej antarabangsa Malaysia.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, siasatan hampir selesai dan isnya Allah siasatan ini akan dilaporkan kepada Kabinet untuk dipertimbangkan apakah akan diumumkan kepada khalayak ramai ataupun tidak.

**AIR PASANG-SURUT DI  
SARAWAK**

3. **Tuan Bujang bin Haji Ulis** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa semenjak 2 tahun lepas paras air naik paling tinggi di Sarawak adalah didapati lebih tinggi dari paras biasa dan ramai peladang-peladang di kawasan-kawasan tepi pantai laut (Khususnya Bahagian Pertama, Sarawak) mendapati kebun-kebun kelapa dan koko mereka mati akibat di landai air masin. Jika ya, adakah pihak Kementerian akan mengkaji keadaan ini dengan serius dan seterusnya mengambil tindakan-tindakan yang berkesan terhadap masalah ini.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langu anak Saga):** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang diketahui keadaan air pasang surut tidak menjadi perkara luar biasa sejak dua tahun yang lepas. Walau bagaimanapun, adalah diketahui bahawa ada tanda-tanda yang menunjukkan pantai laut di satu dan dua tempat menghadapi hakisan tanah dan Jabatan Parit dan Taliair serta Jabatan Pertanian Negeri sedang mengkaji bersama-sama langkah-langkah yang patut

diambil untuk mencegah hakisan ini dan juga mencegah kemasukkan air masin ke kawasan tanaman koko dan kelapa.

### ROMBONGAN PELABURAN KE MANCHESTER

4. **Tuan Lee Kaw** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah kejayaan-kejayaan tertentu dan konkrit yang telah dibuat daripada Lawatan Rombongan Pelaburan beliau ke Manchester, Munich dan Milan dan apakah langkah-langkah yang berikutnya akan dibuat daripada lawatan-lawatan beliau ke tempat-tempat ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, Rombongan Pelaburan ke Manchester, Munich dan Milan telah diadakan bersempena dengan 4 Seminar Pelaburan di ketiga-tiga bandar tersebut. Sejumlah 417 para pengusaha dan ahli-ahli kewangan telah menyertai seminar-seminar tersebut.

Bersama-sama rombongan rasmi tersebut 63 wakil-wakil sektor swasta Malaysia telah juga menyertai seminar-seminar ini. Seminar-seminar tersebut memberi peluang kepada wakil-wakil sektor swasta Malaysia untuk mendapatkan 'contact' yang penting untuk projek-projek usaha-sama. Rekod-rekod rasmi kami telah menunjukkan bahawa sejumlah 241 'contact' atau interbiu telah diadakan antara para peniaga Eropah dan wakil-wakil dari Malaysia. Ini tidak termasuk jumlah berbagai-bagai 'contact' yang telah dibuat secara tidak rasmi antara peserta-peserta Eropah dan Malaysia.

Adalah menjadi tujuan Kerajaan Malaysia untuk memberi peluang kepada sektor swasta Malaysia untuk bertemu dengan 'counterpart' mereka di negara-negara maju supaya mereka dapat menghasilkan projek-projek yang 'viable'. Selepas 'contact' permulaan diadakan, proses memajukan sesuatu projek itu adalah panjang. Saya akan berusaha untuk menerangkan perkara ini dengan sejelas-jelas oleh kerana berbagai soalan yang sepertinya telah banyak dikemukakan selepas tiap-tiap rombongan pelaburan, seolah-olah Ahli-ahli **Dewan** mengharapakan Menteri-menteri yang

terlibat akan membawa pulang projek-projek yang tertentu.

Selepas sahaja sesuatu 'contact' dibuat oleh sama ada Pegawai MIDA ataupun seseorang ahli sektor swasta Malaysia, dan pelabur asing itu telah yakin akan peluang-peluang yang ada, beliau akan menetapkan masa yang sesuai untuk melawat Malaysia untuk melihat sama ada apa yang dikatakan di seminar-seminar tersebut adalah benar. Kebanyakan daripada para pelabur asing ini tidak pernah melawat Malaysia dan mempunyai gambaran yang negatif tentang keadaan negara kita. Apabila pelabur asing tersebut telah yakin bahawa Malaysia ialah sebuah negara yang moden lagi dinamis semasa lawatannya itu, beliau akan pulang ke negara asalnya dan meyakinkan Lembaganya untuk menghantar satu rombongan penyelidikan untuk menjalankan kajian 'feasibility' bagi menubuhkan sesuatu projek. Rombongan 'feasibility' ini akan tiba ke Malaysia dan mereka akan menjalankan kajian mereka yang selalunya dibantu oleh MIDA atau pakar-pakar perunding tertentu. Cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh rombongan 'feasibility' ini akan dikaji oleh pihak pengurusan syarikat dan dikemukakan untuk mendapat kelulusan dari Lembaga mereka. Selepas Lembaga mereka memberi kelulusan, syarikat tersebut akan membuat permohonan rasmi di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian kepada Kementerian saya. Pada masa yang sama juga syarikat tersebut boleh mendaftar dengan Pendaftar syarikat untuk menubuhkan syarikat tempatan. Apabila kelulusan diperolehi syarikat tersebut boleh membeli tanah perusahaan, melantik para arkitek dan lain-lain pakar perunding, menawarkan tender bagi pembinaan, kilang dan sebagainya, dan selepas itu membina kilang yang berkenaan.

Tempoh dari tarikh 'contact' mula dibuat sehingga kilang dibina adalah berbeza bagi projek-projek. Ini akan bergantung terutama sekali kepada proses membuat keputusan syarikat induk mereka. Lembaga bagi syarikat yang lebih besar akan mengambil tempoh yang lebih panjang untuk membuat keputusan rasmi. Dari pengalaman kami adalah didapati bahawa syarikat-syarikat yang kecil yang mempunyai pemilik individu dapat membuat keputusan dengan lebih cepat lagi.

Adalah di jangka bahawa kesemua 63 wakil-wakil sektor swasta Malaysia yang menyertai rombongan (menggunakan perbelanjaan sendiri) akan membuat susulan mengenai 'contact' yang telah dibuat untuk menentukan bahawa minat permulaan yang ditunjukkan oleh para pelabur asing tidak berakhir pada peringkat itu sahaja. Tambahan pula pegawai-pegawai MIDA yang bertempat di Eropah akan membuat susulan yang berasingan dan juga membantu para pelabur Eropah dalam rancangan-rancangan mereka untuk melawat Malaysia. Ibu Pejabat MIDA akan juga menghantar satu rombongan susulan yang terdiri dari pegawai-pegawai untuk membantu para pelabur asing dalam membuat keputusan mereka, dan juga untuk membuat susulan ke atas projek-projek bagi pihak pelabur-pelabur Malaysia.

#### **KEBAKARAN DI KAWASAN PENDALAMAN**

5. **Tuan Hashim bin Endut** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah beliau sedar kejadian-kejadian kebakaran berlaku di kawasan-kawasan pendalaman dalam negara kita yang melibatkan harta benda orang-orang luar bandar seperti kebun getah, dusun, rumah, kedai dan sebagainya yang mana tidak terdapat sebarang perkhidmatan melawan kebakaran. Jika ya, adakah Kementerian bercadang mengadakan perkhidmatan itu di pekan-pekan kecil dan terpencil di tiap-tiap daerah.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar ada berlaku kebakaran yang mengenai kebun-kebun getah, kelapa sawit dan dusun ada juga yang mengenai rumah-rumah di luar bandar. Kebakaran kebun-kebun ini biasanya berlaku di musim kemarau waktu rumput-rumpai dan daun-daun menjadi terlalu kering.

Kebanyakan dari kebakaran itu adalah terjadi kerana kecurian membakar rumput yang dipotong atau penurunan dahan-dahan atau batang-batang pokok yang telah ditebang. Ada juga yang berpunca dari api-api pembakaran sampah atau api puntong rokok.

Adalah menjadi hasrat Kementerian untuk memberikan perlindungan bomba kepada semua pekan, tidak kira sama ada kecil, besar

atau terpencil. Tetapi ini pula adalah bergantung kepada tinggi rendahnya bahaya-bahaya kebakaran satu-satu tempat itu dan juga konsentrasi bangunan-bangunan dan penduduknya. Adalah tidak praktikal bagi Kerajaan mengadakan satu pasukan bomba bagi pekan kecil yang mengandungi 7-8 buah kedai sahaja. Namun demikian, setiap daerah ataupun jajahan sudahpun mempunyai sekurang-kurangnya satu pasukan bomba yang dapat memberikan bantuan kepada mukim-mukim atau perkampungan.

Sekarang Kementerian sedang membuat satu kajian bagaimana orang ramai sendiri boleh berusaha atau mengambil bahagian untuk mencegah kebakaran di tempat masing-masing yang agak jauh dari Balai Bomba. Penubuhan pasukan bomba sukarela adalah termasuk dalam kajian ini.

#### **BANJIR DI LORONG MAAROF, BANGSAR**

6. **Tuan Lee Kaw** (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Wilayah Persekutuan adakah beliau sedar bahawa langkah-langkah yang diusahakan oleh Dewan Bandaraya sebanyak dua kali untuk menghalang dari berlaku banjir di Lorong Maarof, Bangsar telah gagal. Memandangkan mengapa banjir yang berlaku di Lorong Maarof tidak dapat dihalang. Adakah Menteri akan menjalankan suatu penyiasatan dalam perkara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, banjir yang kerap berlaku di Jalan Maarof adalah disebabkan oleh banyak tanah dalam kawasan tandahan (catchment area) Sungai Puteh yang mana kawasan-kawasan ini banyak estet-estet perumahan telah dimajukan. Dengan itu sistem parit induk yang ada sekarang di kawasan tersebut tidak lagi mencukupi bagi aliran yang bertambah semasa hujan lebat dan inilah yang menyebabkan berlakunya banjir. Kerja-kerja perparitan yang dijalankan baru-baru ini di Lorong Maarof ialah untuk memperbaiki culvert yang rosak dan bukannya kerja-kerja baru.

Bagi mengatasi banjir di kawasan ini Dewan Bandaraya telah melantik sebuah firma perunding untuk membuat reka bentuk sekim bagi

mengatasi banjir di kawasan ini dan untuk projek ini sebanyak \$5 juta akan dibelanjakan. Tender bagi peringkat pertama sekim ini telahpun dipanggil dan adalah diharap kerja akan dijalankan mulai bulan September ini dan di jangka siap pada tahun 1980.

### NASRUL HAQ

7. **Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada amalan Nasrul Haq tidak mencacatkan akidah dan tidak bertentangan dengan ajaran ugama Islam.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamad bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu suka saya menyatakan bahawa perkara Nasrul Haq ini telahpun dipertimbangkan oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam. Ianya telah dirafakkan kepada Majlis Raja-raja untuk membuat keputusan. Adalah difahamkan bahawa setakat ini Majlis Raja-raja belum lagi membuat keputusan yang muktamat.

**Tuan Hashim bin Ghazali:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tidak ada mana-mana fatwa yang telah menyatakan Nasrul Haq tidak boleh diamal oleh rakyat negara ini.

Saya ingin tahu adakah pihak Jabatan Ugama Kerajaan Negeri pula mengambil kesempatan iaitu memberi fatwa di negeri masing-masing supaya Nasrul Haq tidak boleh diamalkan di negeri-negeri berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sudah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri iaitu telah disembahkan kepada Majlis Raja-raja dan belum dapat jawapan lagi.

### PEDAGANG-PEDAGANG MALAYSIA

8. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyata sama ada Kerajaan sedar bahawa pedagang-pedagang Malaysia tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan jualan barang-barang makanan khususnya makanan dalam tin, seperti fruit juices yang mudah dibuat (hasil campuran

buah-buahan seperti nenas, pisang, limau, rambutan dsb.), kacang tanah, keropok, gula-gula dan lain-lain seperti mana yang dibuat oleh pengimpot-pengimpot Hongkong, Taiwan, Jepun, China dan negeri-negeri Eropah. Adakah usaha seperti ini dapat digalakkan oleh Kerajaan? Jika tidak, mengapa.

**Tuan Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah kurang jelas bagi saya memberi jawapan yang tepat. Namun demikian, sekiranya Ahli Yang Berhormat itu memaksudkan tindakan yang diambil oleh Kementerian saya untuk meningkatkan lagi export barang-barang yang dinyatakan itu, sukacita saya memaklumkan bahawa pengeksportan barang-barang makanan khususnya makanan dalam tin dan juices adalah bertambah sejak beberapa tahun yang lepas. Dalam jangka masa lima tahun iaitu dari tahun 1973 hingga 1977 export barang-barang tersebut meningkat dari \$43 juta dalam tahun 1973 ke \$77.1 juta dalam tahun 1977.

Perangkaan ini jelas menunjukkan bahawa pengeksport-pengeksport Malaysia telah menjalankan usaha yang bersungguh-sungguh untuk mempertingkatkan lagi pengeksportan barang-barang yang berkenaan. Dari segi memperluaskan pasaran barang-barang ini di luar negeri pada keseluruhannya Kementerian saya telah menjalankan usaha menggalakkan pengeksportan barang-barang berkenaan dengan menganjurkan rombongan perdagangan ke luar negeri. Pengeksport-pengeksport juga dijemput menyertai pameran dan pertunjukan perdagangan yang diadakan di luar negeri bagi membolehkan mereka membuat hubungan terus dengan bakal-bakal pengimport yang potensi.

### SOALAN No. 9 DAN No. 10 DITARIK BALIK

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan No. 9 Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Muhammad dan soalan No. 10 Yang Berhormat Tuan Seow Hun Khim, saya telah menerima surat penarikan balik di atas kedua-dua soalan ini.

## PENUNTUT-PENUNTUT DI UNIVERSITI

**11. Tuan Lee Kaw** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan kemasukan penuntut-penuntut kelima-lima buah universiti tempatan dan pecahan mengikut kaum kemasukan bilangan penuntut-penuntut bagi tiap-tiap universiti.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini telahpun diberi oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling kelmarin.

## KOMPLEKS KASTAM JOHOR BAHRU

**12. Tuan Lee Kaw** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa hanya separuh daripada petak-petak memeriksa kereta di Kompleks Kastam Johor Bahru digunakan dan ini mengakibatkan kesesakan lalulintas di situ;
- (b) sama ada beliau sedar bahawa jalan menuju (approach road) ke arah Kompleks tersebut adalah terlalu sempit dan sekiranya kereta tergendala di situ maka kesesakan lalulintas akan berlaku. Jika sedar, nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperbaiki keadaan yang buruk ini; dan
- (c) sama ada beliau sedar papan-papan tanda yang sedia ada tidak dipaparkan di tempat-tempat yang strategik, jika sedar, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Neo Yee Pan):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) seperti Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum semenjak Kerajaan menyediakan 14 petak-petak pemeriksaan kereta-kereta dalam bulan November, 1978 kesesakan lalu lintas tidak lagi berlaku. Sungguhpun jumlah petak-petak pemeriksaan telah ditambah menjadi 14 tidaklah semestinya kesemuanya petak-petak itu dibuka setiap waktu oleh kerana ada kalanya kedudukan lalulintas hanya memerlukan penggunaan

sebahagian daripada jumlah petak-petak pemeriksaan yang ada sekarang ini. Di dalam keadaan yang sedemikian pembukaan separuh daripada petak-petak pemeriksaan tidak akan menimbulkan masalah lalulintas. Sebenarnya pihak Kastam sentiasa berwaspada terhadap keadaan-keadaan lalulintas dan membuka petak-petak pemeriksaan itu mengikut keadaan lalulintas pada satu-satu masa.

- (b) Kompleks pemeriksaan kereta yang ada sekarang dibina di bawah satu projek kilat yang merupakan projek jangka pendek. Bagi menampung keperluan lalulintas semasa, bagi jangka masa panjang Kerajaan sedang merancangkan pelan memoden dan memperbesar-kan Kompleks Johor Bahru supaya kemudahan-kemudahan untuk orang ramai yang dapat diberi oleh Jabatan Kastam dan juga Jabatan Imigresen akan bertambah baik dan rancangan ini tentu akan melibatkan pembesaran jalan yang menuju ke arah Kompleks.
- (c) pihak Jabatan Kerjaraya pada masa ini sedang mengambil tindakan untuk membuat papan-papan tanda yang lebih sesuai dan mudah difahami oleh orang ramai. Papan tanda yang baru itu manakala siap akan dipasang dan dipaparkan di sempadan di antara Republik Singapura dengan Malaysia.

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bilakah papan tanda (notice board) boleh disiapkan kerana pada dua tiga hari dahulu papan itu masih ada lagi di tempat yang bukan strategic point.

Kedua, bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu di Dewan ini rancangan-rancangan untuk approach road bila boleh siap dan dijalankan kerana pada masa ini congestion dan sebagainya.

**Dato' Dr Neo Yee Pan:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan pertama, seperti yang saya katakan pada masa sekarang JKR sedang mengambil tindakan untuk membuat papan-papan tanda yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya ingat

akan siap dengan secepat mungkin. Saya pun ada memberitahu kepada Yang Berhormat di Johor Bahru pada masa bulan Mei. Sekarang ada satu pelan telah dibuat oleh JKR dan saya fikir tidak lama lagi papan-papan tanda boleh dipasang.

### KREDIT PEMBAYAR CUKAI

**13. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah wang hari dalam kredit pembayar-pembayar cukai dalam tiap-tiap negeri dan sama ada mereka telah dinasihatkan sewajarnya; dan
- (b) sama ada jumlah ini akan diambil kiranya tidak dituntut dalam tempoh yang tertentu jika ya, nyatakan tempoh tertentu yang dibenarkan bagi pembayar-pembayar cukai itu untuk menuntut wang dalam kredit mereka.

**Dato' Dr Neo Yee Pan:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pada tarikh 31hb Disember, 1978 jumlah wang dalam kredit pembayar-pembayar cukai ialah \$119.9 juta. Jumlah ini meliputi \$73.5 juta bagi 2,085 syarikat-syarikat dan \$46.4 juta bagi 77,708 pembayar cukai perseorangan. Pecahan angka-angka itu mengikut tiap-tiap negeri tidak dapat diperolehi. Jika selepas mengambilkira jumlah cukai yang dikenakan pada taksiran semasa masih ada jumlah yang lebih maka pembayar cukai berkenaan akan diberitahu sewajarnya. Jika permohonan dibuat untuk mendapat balik wang tersebut selalunya Jabatan ini akan menuaikan permohonan itu melainkan jika didapati taksiran selanjutnya perlu dibuat. Jika tidak ada permohonan dibuat jumlah kredit ini disimpan untuk diambilkira bagi pembayaran cukai tahun yang akan datang.
- (b) pembayar-pembayar cukai dibenarkan membuat kredit yang ada dalam akaun mereka di dalam masa 6 tahun. Tuntutan yang dibuat selepas 6 tahun akan dipertimbangkan oleh Jabatan ini jika dapat dijelaskan dengan munasabah mengapa tidak dituntut dalam masa

yang ditentukan itu. Jumlah kredit yang tidak dituntut selepas 6 tahun akan dimasukkan ke dalam Tabung Hasil Kerajaan.

### LAWATAN PERDANA MENTERI KE CHINA

**14. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan tujuan sebenarnya lawatan beliau ke negeri China baru-baru ini, hasil lawatan, bilangan perwakilan atau rombongan, berapa banyak wang Kerajaan yang dibelanjakan bagi membiayai lawatan itu. Nyatakan juga perbezaan kejayaan yang besar dalam perkara-perkara tertentu antara lawatannya dengan lawatan yang dipimpin oleh Allah Yarham Tun Haji Abdul Razak dahulu.

**16. Tuan Awang bin Jabar** minta Perdana Menteri menyatakan kesan-kesan lawatan ke China dari segi politik, ekonomi dan kebudayaan kepada negara Malaysia.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan 16, oleh kerana kedua-dua soalan ini sama maksudnya dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Isnin 11hb Jun, 1979. Saya tidak ada apa-apa tambahan pada jawapan yang telah diberikan itu.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Soalan tambahan. Oleh sebab ada sedikit perbezaan di antara soalan saya pada hari ini dengan soalan yang dikemukakan semalam iaitu berkenaan dengan perbelanjaan lawatan itu maka jika dapat saya pohonlah mendapat jawapan tentang perbelanjaan sahaja.

**Tuan Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah diberi taraf tetamu Kerajaan dan perbelanjaan yang melibatkan Kerajaan hanyalah untuk membayar tambang pengangkutan dan lain-lain perkara yang selalunya dibelanjakan jika berlakunya lawatan-lawatan seperti itu. Perbelanjaan bagi lawatan tersebut adalah berjumlah \$360,325.70.

### RUMAH ANGGOTA TENTERA DI EMPAT TIN

**15. Tuan Au How Cheong** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar jalan ke rumah-rumah anggota tentera di Empat Tin, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur adalah dalam keadaan yang sangat buruk dan bahawa beberapa aduan telah dibuat kepada pihak yang berkenaan. Adakah Kementeriannya mengambil tindakan untuk memperbaiki jalan tersebut.

**Tuan Abdullah bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua membina approach road ke rumah-rumah anggota tentera di Empat Tin, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur itu bukanlah tanggungjawab Dewan Bandaraya. Jalan ini sepatutnya telah dibina oleh pihak yang memaju kawasan perumahan untuk anggota angkatan tentera itu. Sayugia disebutkan juga di sini bahawa jalan-jalan seperti approach road ke bangunan-bangunan yang didirikan oleh badan-badan swasta ataupun Jabatan-jabatan Kerajaan tertentu adalah diselenggarakan oleh JKR dan bukan Bandaraya.

### PERMIT LORI KEPADA KELUARGA TIMBALAN MENTERI

**17. Tuan Lee Kaw** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (i) sama ada benar bahawa sebilangan permit lori telah diberi kepada Ahli-ahli keluarga Timbalan Menteri Pengangkutan (Ahli Parlimen bagi Nibong Tebal); dan
- (ii) jika ya, nyatakan bilangan permit lori yang telah dikeluarkan dan tahun-tahun

	<i>Tahun</i>	<i>Sek. Keb.</i>	<i>SRJK (C)</i>	<i>SRJK (T)</i>
1971 .. .. .	.. .. .	\$ 2,401,156	\$ —	\$ —
1972 .. .. .	.. .. .	15,833,276	578,400	243,400
1973 .. .. .	.. .. .	24,856,230	746,500	139,450
1974 .. .. .	.. .. .	36,947,345	1,016,300	420,000
1975 .. .. .	.. .. .	28,790,308	2,309,900	1,569,000
1976 .. .. .	.. .. .	37,015,313	5,212,600	518,200
1977 .. .. .	.. .. .	30,427,850	1,892,800	880,600
1978 .. .. .	.. .. .	63,248,005	6,340,880	2,122,010

di mana permit itu diberi dan sebab-sebab untuk pemberian permit itu.

**Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran permit-permit lori adalah mengikut peraturan-peraturan di mana seseorang itu dikehendaki membuat permohonan di dalam borang yang tertentu. Borang-borang ini mengandungi butir-butir tentang kemampuan, pengalaman dan pengetahuan seseorang itu di dalam industri pengangkutan. Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan menimbangkan segala permohonan berasas kepada butir-butir permohonan yang diberi.

Lembaga Pelesenan ada meluluskan 5 permit lori 'C' kepada Encik Goh Soon Teik atau Goh Soon Tik, bapa kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan. Encik Goh adalah seorang pengusaha lori semenjak tahun 1946. 2 permit telah dikeluarkan pada tahun 1952, 3 lagi tambahan diluluskan pada bulan November, 1953, bulan September, 1974 dan bulan Mei, 1977. Semua kelulusan ini adalah di atas kelayakannya sendiri sebagai pengusaha dan tidak ada kaitan langsung dengan kedudukan anaknya sebagai Timbalan Menteri.

### PERUNTUKAN BAGI SEKOLAH- SEKOLAH RENDAH

**18. Tuan Lee Kaw** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa berasaskan pada apa syarat-syarat dan faktor-faktor yang membawakan Kementerian Pelajaran menetapkan peruntukan perbelanjaan dan anggaran pembangunan bagi sekolah-sekolah rendah yang berikut:

dan juga apakah tindakan telah diambil untuk memperseimbangkan peruntukan perbelanjaan dan pembangunan di antara sekolah-sekolah rendah kebangsaan dan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan; adakah beliau akan mempertimbangkan untuk mengecualikan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan daripada dikenakan bayaran cukai-cukai tanah yang tinggi kadarnya.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Speaker, terlebih dahulu saya sukalah menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa soalan Ahli Yang Berhormat tentang perbelanjaan dan anggaran (*expenditure and estimates*) tidak begitu jelas maksudnya. Walau bagaimanapun, saya mengambil faham bahawa apa yang dimaksudkan ialah apakah dasar-dasar yang digunakan oleh Kementerian bagi

menentukan peruntukan kepada jenis-jenis sekolah yang ada di negara ini.

Dasar peruntukan perbelanjaan anggaran pembangunan ialah berasaskan kepada beberapa faktor, di antaranya ialah:

- (1) Pertambahan murid-murid bagi sekolah tersebut.
- (2) Lokasi atau locality tiap-tiap sekolah.
- (3) Untuk projek-projek gantian dan tambahan. Kemudahan-kemudahan asas pula ditentukan mengikut keperluan tiap-tiap sekolah.

Saya juga suka menyatakan bahawa selain daripada peruntukan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran telah juga memberi bantuan modal seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China)</i>	<i>Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil)</i>
1976 .. .. .	\$ 537,400	\$ 219,650
1977 .. .. .	2,197,700	340,945
1978 .. .. .	2,666,810	708,740

Ini menunjukkan tiap-tiap tahun peruntukan ada bertambah. Oleh itu angka yang sebenarnya yang diperuntukkan kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) dan Tamil adalah lebih dari apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Soalan yang berikut tentang tindakan untuk memperseimbangkan peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan di antara sekolah-sekolah rendah kebangsaan dan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan adalah tidak timbul kerana peruntukan adalah diberi mengikut keperluan sesuatu sekolah dan bukan mengikut jenis-jenis sekolah.

Atas soal mengecualikan sekolah rendah jenis kebangsaan daripada dikenakan cukai-cukai tanah adalah bukan di bawah kuasa Kementerian Pelajaran.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana bilangan pelajar-pelajar yang daftar untuk belajar di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan (China) tahun demi tahun lebih bertambah, adakah Kementerian Pelajaran berniat untuk

menambah peruntukan untuk sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan (China) supaya pelajar-pelajar dari sekolah rendah jenis kebangsaan (China) boleh dapat peruntukan yang cukup untuk keperluan-keperluan mereka.

Kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri puas hati dengan peruntukan-peruntukan yang diberi kepada sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan (China) dan adakah apa-apa rancangan untuk menambah peruntukan ini.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Speaker, saya boleh kumpulkan dua soalan tambahan dengan satu jawapan. Apa yang saya jawab dalam jawapan pokok saya tadi iaitu menentukan peruntukan atau perbelanjaan untuk jenis sekolah bergantunglah kepada keperluan, kita tidak bezakan apa-apa jenis sekolah, kita beri semua kalau ada keperluan, oleh sebab itulah kita ada rancangan. Jadi berkenaan dengan sekolah ini semua ada buat rancangan supaya tiap-tiap murid bila cukup umur bersekolah kita akan berikan tempat

tetapi tempat-tempat itu tentulah barangkali dalam satu tempat boleh jadi sesak, kalau tidak dapat diberi macam itu kalau jauh sedikit, kita berharap ibu-bapa sekalian boleh bersabar dan ambillah tempat itu. Ini kita tidak beza-bezakan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan bilangan banyaknya sekolah-sekolah kebangsaan terutama di luar-luar bandar yang kekurangan dari segi bangunan dan juga kelengkapannya serta bertambahnya murid-murid memasuki sekolah-sekolah kebangsaan, apakah Kerajaan bercadang untuk menambah sekali ganda lagi peruntukan yang diberi dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini untuk tahun hadapan bagi menambahkan kelengkapan-kelengkapan di sekolah luar bandar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mana hendak sekali ganda, macam mana tahu sekolah itu tambahna dua kali ganda?

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada statistiknya di sini, kalau hendak boleh saya sebutkan di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Chan Siang Sun:** Kalau tempat-tempat itu ada perlu tambahan kemudahan, tentulah kita akan beri kemudahan itu.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah menyebutkan salah satu faktor yang dipertimbangkan ialah projek gantian. Soalan saya adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa secara kebetulan peruntukan kepada sekolah-sekolah kebangsaan dari segi pembangunannya agak melambong sedikit kerana sekolah-sekolah kebangsaan yang terletak di kawasan luar bandar yang keadaan buruk dan dhaif terpaksa digantikan dan sehingga pada hari ini-pun masih banyak lagi yang berkeadaan demikian yang untuk digantikan.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Speaker, saya sedar.

### TAHANAN PEKERJA MAS DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

**19. Tuan Lim Kit Siang** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa beliau menandatangani perintah tahanan tiga belas orang pekerja-pekerja MAS di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri;
- (b) orang-orang yang wujud sekarang yang digunakan untuk mengkaji semula tahanan orang-orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri;
- (c) sama ada dalam kes tiga belas orang ini, cara-cara ini digunakan ataupun Menteri berkenaan telah bertindak secara sendiri dan maka dengan itu membuktikan bahawa cara-cara untuk mengkaji semula kes-kes ISA adalah hanya untuk menutup mata dan menegirukan rakyat Malaysia dan seluruh dunia mempercayai bahawa Lembaga Penasihat yang mengkaji semula kes-kes ISA adalah badan bebas.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan adalah pada waktu itu berpuas hati bahawa tindakan menahan 13 orang tersebut di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 adalah perlu untuk menyekat mereka dari melakukan tindakan yang mengancam penyelenggaraan perkhidmatan-perkhidmatan perlu dan kehidupan ekonomi negara.
- (b) dan (c) Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengatakan bahawa ini adalah cara-cara dan cara-cara tertera di dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri dan apa yang dilakukan, baik menangkap atau melepaskannya adalah mengikut apa yang tertulis di dalam Undang-undang tersebut. Oleh yang demikian, saya berasa tidak perlu menjawab, kerana perkara ini diterangkan dengan jelas dalam Akta tersebut.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar

bahawa kebebasan mereka dalam masa yang begitu singkat—satu minggu atau beberapa hari selepas beliau tandatangani perintah formal untuk penahanan selama dua tahun menunjukkan bahawa penahanan mereka atau perintah penahanan mereka yang formal itu tidak berasas dibandingkan dengan sebab-sebab yang diberikan dalam order (perintah) tahanan tetapi mungkin disebabkan oleh lain-lain sebab dan kalau ada, apa lain-lain sebab itu.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebabnya saya sudah katakan tadi bahawa penahanan mereka ini adalah kerana Kerajaan berpuas hati untuk menyekat mereka daripada melakukan tindakan yang mengancam penyenggaraan perkhidmatan-perkhidmatan perlu dan kedudukan ekonomi negara. Mengapa mereka dilepaskan iaitu pada waktu itu mereka tidak lagi mengancam keadaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk memberitahu Dewan ini apakah yang telah berlaku dalam tempoh satu minggu itu sahaja yang menyebabkan perubahan sikap ini?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua, iaitu sikap mereka telah berubah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukankah benar bahawa sebenarnya Yang Berhormat Menteri pergi ke London untuk berjumpa dengan ketua-ketua ITWF dan dua orang yang dibebaskan pada akhirnya dibebaskan kerana desakan ITWF dengan mana boikot penerbagan ke London dan ke Australia diberhentikan.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, mereka ini dilepaskan sebelum Harold Lewis berjumpa dengan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat dari Damansara, saya suka mengingati iaitu saya dapati banyak Ahli-ahli Yang Berhormat bila Ahli Yang Berhormat diteriak namanya tidak berdiri, Ahli Yang Berhormat yang lain mengambil soalnya. Ini ialah di bawah Peraturan Mesyuarat 24.

Tetapi hendaklah faham bahawa Peraturan Mesyuarat 24(2) bunyinya:

“24(2) Jika seseorang ahli yang hendak mengeluarkan pertanyaan meminta jawab mulut itu tidak bangun mengeluarkan pertanyaannya, maka siapa-siapa ahli lain bolehlah mengambil pertanyaan itu dijadikan pertanyaan sendiri. . . . .”

Jadi bukan nama orang asal—itu jadi soalnya sendiri kalau dia bersetuju. Begitu juga dilaporkan dalam mass media bukan orang diminta berdiri itu, tetapi orang yang menggantikannya itu. Jadi soal itu menjadi soal dia. Kalau dia tidak bersetuju dia tidak bangun, kalau dia bersetuju soal itu dia bangun menanyakan soalan itu, bukan bagi pihak orang yang tidak hadir tetapi diambil alih jadi soalnya sendiri. Jadi ini hendak faham implikasi daripada mengambil soal daripada seseorang Ahli yang tidak hadir. Lapornya hendaklah bukan daripada orang yang saya teriak namanya tetapi orang yang menggantikan mengambil alih soalan ini.

Sekarang Yang Berhormat Tuan V. David.

## SABOTAJ PESAWAT MAS

**20. Tuan Lim Kit Siang** (*di bawah S.O. 24* (2)) bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sama ada terdapat mana-mana orang atau orang-orang telah didakwa kerana tuduhan sabotaj terhadap pesawat MAS berdasarkan kenyataan Kerajaan dan kiranya jawapan yang diberikan ialah negatif, sama ada Kerajaan akan menerima hakikat kenyataan bahawa tuduhan-tuduhan itu adalah tidak benar dan penangkapan ke atas kakitangan MAS adalah penahanan yang salah.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff):** Tuan Yang di-Pertua, dalam pertikaian MAS. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini soalan nombor 20?

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi bukan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri? Tidak apalah. Saya tidak tahu. Saya fikir ada pertukaran di dalam Kabinet (*Ketawa*). Saya tidak tahulah. Sila.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, dalam pertikaian MAS—AEU Kerajaan telah mengambil tindakan menangkap dan menahan 23 orang pemimpin ahli AEU apabila pada 12hb Februari, 1979 pihak Polis telah mendapat maklumat menunjukkan ada rancangan oleh mereka untuk memulakan tindakan sabotaj terhadap pesawat MAS yang mungkin membahayakan nyawa dan harta-benda orang-orang awam. Perbuatan sabotaj itu boleh dilakukan terhadap pesawat MAS pintu A, B.737 telah disalut dengan cellophane tape dan dua tayar B.707 yang baru sahaja diservice telah dikempiskan. Oleh kerana adanya perbuatan sedemikian dan demi keselamatan orang ramai Kerajaan telah terpaksa menggantung perkhidmatan MAS pada 13hb Februari, 1979. Siasatan dijalankan ke atas kedua-dua kejadian tersebut, tetapi adalah agak sukar sebarang bukti diperolehi yang mungkin membolehkan pihak polis membuat sebarang tangkapan atau dakwaan.

Jabatan Kimia yang turut menjalankan siasatan juga tidak dapat berbuat sebarang penentuan bagi membuktikan perbuatan itu.

#### MAS-AEU—PERTIKAIAN

**21. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah kerugian yang dialami setakat ini oleh pihak MAS akibat pertikaian MAS—AEU dengan memberikan pepecahan bagi tiap-tiap kepala kerugian yang dialami oleh penerbangan kebangsaan kita.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar untuk menentukan dengan tepatnya setakat manakah jumlah kerugian yang dialami oleh MAS akibat pertikaian MAS—AEU. Apa yang boleh dianggarkan ialah pendapatan hasil yang mungkin berkurangan akibat tindakan haram oleh ahli-ahli Kesatuan AEU itu bagi tempoh bulan Disember, 1978 hingga bulan April, 1979 adalah sebanyak lebihkurang \$13.5 juta.

#### CONCORDE—PENERBANGAN

**22. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah

Kerajaan untuk mengkaji sejauhmanakah akibat penerbangan Concorde melintas angkasa Malaysia menjejaskan dan mengurangkan pendapatan penangkapan ikan nelayan-nelayan tempatan.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, kesan bunyi sonik (sonic booms) khususnya ke atas ekosistem alam semulajadi termasuk perikanan hanya dapat ditentukan selepas satu jangka masa yang panjang.

Oleh yang demikian, adalah terlalu awal untuk menentukan akibat penerbangan super-sonik Concorde menjejaskan dan mengurangkan pendapatan penangkapan ikan nelayan-nelayan tempatan. Namun demikian, Kerajaan terus mengawasi perkembangannya.

#### MAS/AEU/ITWF— PERTIKAIAN

**23. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pertikaian antara MAS dan AEU/ITWF telahpun berakhir tetapi ACTU (Australian Council of Trade Unions) masih lagi enggan membenarkan kapal-terbang MAS mendarat di Melbourne/Sydney, dan jika ya, apakah langkah yang akan diambil untuk mengatasi perkara ini.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Ahli Yang Berhormat sudahpun mengetahui bahawa pada masa ini MAS telah mengadakan semula perkhidmatannya ke Australia dan London tanpa apa-apa gangguan dari mana-mana pihak.

#### MAS—DISUSUN SEMULA

**24. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kerajaan akan mengambil langkah-langkah untuk menyusun atau merombak semula Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) untuk menjadi sebuah pertubuhan yang dinamis yang mana tiap-tiap rakyat Malaysia dapat banggakan dan jika tidak, kenapa.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, soalan hendak menyusun semula dan memperbaiki lagi perkhidmatan

MAS telah ditimbang oleh Kerajaan dalam beberapa waktu yang lepas ini dan satu keputusan telah dibuat iaitu supaya dilantik konsultan atau satu firma konsultan bagi mengkaji perkara ini dan membuat perakuan berkenaan dengannya.

### **MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18**

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya memberitahu bahawa saya ingin mencadangkan di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 18 supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat ini untuk tujuan merunding satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan dan usul saya akan berbunyi:

“Bahawa Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan untuk merundingkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu kekurangan kronik minyak diesel di seluruh negara kecuali tiga tempat yang diservisikan oleh pam minyak-pam minyak yang dikendalikan oleh PETRONAS yang mana keadaan kekurangan minyak diesel ini bukan sahaja tidak berubah malah telah bertambah buruk banyak tempat sungguhpun harga minyak diesel telah naik baru-baru ini dan ini telah menimbulkan kesusahan dan kesulitan rumit kepada bas-bas, bas-bas mini, teksi-teksi, lori-lori dan juga menimbulkan kesusahan dan kesulitan rumit kepada pengusaha-pengusaha kenderaan lain yang menggunakan diesel; dan melahirkan rasa pandangnya terhadap ketidakupayaan dan ‘impotence’ Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menentukan terdapat bekalan minyak yang cukup untuk pengguna-pengguna minyak diesel di seluruh negara dan lebih dahsyat lagi kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Liew Sip Hon, di dalam Dewan Rakyat semasa soal jawab semalam di mana beliau telah berkata tidak ada sebab-sebab mengapa terdapat kekurangan minyak diesel sedangkan kekurangan minyak diesel adalah rumit dan berleluasa di seluruh negara; dan menghendaki Kementerian dalam tempoh yang tertentu dan bukan menjadi bahan permainan syarikat-syarikat

minyak yang besar yang sengaja mewujudkan kekurangan yang ‘artificial’ untuk memaksa Kerajaan lutut sehingga harga minyak diesel dinaikkan ataupun menuntut perletakan jawatan Menteri-menteri yang berkenaan.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang pernah saya kemukakan di dalam Majlis ini bahawa sesuatu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 ini hendaklah pihak Yang di-Pertua berpuas hati atas tiga perkara, iaitu perkara itu tertentu; perkara itu juga bagi kepentingan orang ramai, dan ketiganya perlu supaya disegerakan (urgent).

Jadi semenjak saya terima pagi ini tadi, saya telah pergi ke beberapa stesyen minyak—saya sendiri pergi, kata orang as a matter of interest, hendak apa yang sebenar kedudukannya, kerana saya tak hendak memberi sesuatu keputusan di sini dengan hearsay atau “kata orang” dan sebagainya, tetapi saya sendiri telah pergi ke beberapa tempat minyak dari waktu saya terima surat ini dengan datang kemari tadi. Dan kita jua tahu bahawa kekurangan diesel ini tidak berlaku di semua tempat di serata tempat di Malaysia, bahkan ada beberapa tempat, yakni berlaku sporadic di sana sini. Ini kita tahu, kerana saya hitung di dalam perjalanan tadi sampai ke rumah dan bilik ke Dewan ini tak kurang daripada 16 bas mini yang saya jumpa, kemudian bas besar, teksi saya tak dapat kira jumlahnya, tetapi banyak teksi dan banyak kereta-kereta diesel yang berjalan. Ini bererti diesel itu ada dijual, kalau tidak kereta tak boleh berjalan. Jadi saya yakin, puas hati bahawa dan saya tak menafikan ada setengah-setengah tempat tidak ada jual diesel itu tetapi berlaku hanya sporadic sahaja di beberapa kawasan barangkali yang tertentu.

‘Di dalam ingatan saya, jawapan yang telah diberikan atau penerangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menjalankan segala daya usahanya untuk memerhatikan dan mengawasi supaya bahan ini dapat dibekalkan kepada orang ramai dan juga dalam jawabannya, kalau tak salah saya pada hari semalam juga bahawa diesel ini tak boleh dibincangkan bersendirian

dengan tidak dikaitkan rapat dengan bahan-bahan petrol yang lain, kerana ada kaitannya dari segi harga dan bekalan. Dan daripada stesyen-stesyen petrol yang saya pergi tadi, hanya satu stesyen Esso yang tidak ada diesel, tetapi katanya sudah dipesan dan mendapat pengakuan daripada Syarikat Esso akan dibekalkan pada bila-bila masa sahaja. Jadi daripada petrol station, tempat-tempat jual minyak, satu sahaja yang saya dapati tidak ada dijual minyak, iaitu satu stesyen Esso tetapi sudah dijanjikan akan mendapat bekalan itu. Dengan sebab itu, saya tak puas hati bahawa perkara ini menyebabkan Dewan ini mesti ditangguhkan untuk membincangkan hal diesel ini. Dengan sebab itu, saya tak dapat menerima usul ini supaya dibincangkan.

#### **PENERANGAN SENDIRI DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 25**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum saya mengizinkan, ini bukan automatik. Diminta Ahli Yang Berhormat itu sabar dahulu. Surat itu, saya sudah terima, sila duduk dahulu!

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya bangun minta izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menurut Peraturan Mesyuarat 25, seseorang Ahli Yang Berhormat itu boleh meminta kebenaran memberikan penjelasan, iaitu "Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya dua jam sebelum mesyuarat dimulakan seseorang Ahli bolehlah mengeluarkan penerangan sendiri pada waktu yang ditetapkan menurut Peraturan Mesyuarat 14 sungguhpun pada masa itu tidak ada pertanyaan dalam Majlis Mesyuarat, tetapi tidak boleh dikeluarkan perkara-perkara yang akan membangkitkan pertelingkahan dan tidak dibenarkan perbincangan perkara berkenaan dengan penerangan itu. Isi penerangan yang dicadangkan itu hendaklah dihantar dengan sepenuhnya kepada Tuan Yang di-Pertua pada masa meminta izin hendak membuat memberikan penerangan itu."

Ini ada beberapa unsur waktu di sini, dan juga sama ada boleh menimbulkan perbalahan atau menggunakan perkataan di sini, "membangkitkan pertelingkahan". Jadi masalah ini, saya telah ditelefon oleh Setiausaha Sulit saya pukul 1.20 tadi, dan dia

mengatakan surat ini diterima pukul 12.20 tengahari dan itulah waktu saya meninggalkan Pejabat Speaker, keluar daripada Pejabat saya. Jadi di sini ada mengandungi unsur doubt sama ada benar atau tidak dan mengikut Peraturan Mesyuarat ini hendaklah sampai kepada Yang di-Pertua dengan tujuan Yang di-Pertua boleh membaca, menimbang-nungkan, memikir apa yang sepatutnya, tetapi kalau didesak serta merta, itu sukar bagi saya. Walau bagaimanapun, saya sudah baca isi kandungannya ini, saya tidak fikir boleh menimbulkan pertelingkahan, dan mengenai masa itu, saya beritahu pada masa yang akan datang, kalau macam ini caranya, saya tidak akan terima, kerana ini memerlukan masa, kerana pukul 1.20 baru saya hendak makan, sembahyang dan hendak datang kemari, masa itu pula hendak memikirkan perkara ini, sudah tentu tak boleh dapat berfikir dengan baik, tetapi bagi kali yang pertama ini, saya beri izin. Dan saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat, masa akan datang kalau mengambil kesempatan di bawah Perkara 14(1) mengikut Peraturan Mesyuarat 25 diharapkan janganlah masa itu betul-betul 2 jam. Tiba pukul 12.20, maknanya 12.30 waktunya, jadi 10 minit sebelum waktunya. Mengapa tidak pagi lagi. Mengapa tak dicari Tuan Yang di-Pertua di mana, kerana saya di mana berada, semua diberitahu di mana saya berada. Jadi dalam Peraturan ini bukan dikatakan kepada "Pejabat Yang di-Pertua"—bukan, tetapi kepada "Yang di-Pertua". Kalau tak berjumpa, itu nasiblah. Jadi pada masa akan datang, saya akan ikut peraturan, kerana waktu itu betul-betul memerlukan pemikiran, penelitian, pertimbangan yang saksama. Kalau tidak sesuatu pertimbangan yang diberi tidaklah saksama. Jadi dengan sebab itu, kata orang Inggeris: the benefit of the doubt. Jadi saya beri "the benefit of the doubt" pada kali yang pertama. Sila Ahli Yang Berhormat teruskan.

*3.19 ptg.*

**Tuan Lim Kit Siang (Petaling):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam masa akan datang kalau penerangan sendiri perlu dibuat, saya akan cuba sedaya upaya memberikannya dalam masa yang awal harap boleh dikemukakan pada pukul 8.00 atau 7.00 pagi.

Tuan Yang di-Pertua, semasa soal jawab semalam Yang Berhormat Menteri Pelajaran ketika menjawab soalan tambahan yang dikemukakan oleh saya telah membuat kenyataan bahawa ketika saya berada di Negeri Sarawak baru-baru ini, saya telah berjanji untuk mendapatkan lebih banyak tempat di universiti untuk pelajar-pelajar Iban dan beliau bertanya bagaimanakah saya boleh 'reconcile' kenyataan saya itu dengan seruan saya supaya lebih lagi tempat diberikan di universiti untuk pelajar-pelajar bukan bumiputra. Kenyataan Yang Berhormat Menteri Pelajaran itu adalah lebih dalam daripada sindiran yang saya melibatkan diri saya di dalam kecurangan politik. Walaupun saya telah cuba untuk membersihkan nama baik saya akan tetapi Tuan Yang di-Pertua telah mengumumkan bahawa masa untuk soal-jawab telah tamat.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengikis sebarang tuduhan curang (dishonourable imputation) yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan menjelaskan bahawa seruan yang dibuat oleh saya di Negeri Sarawak untuk mendapatkan lebih banyak lagi tempat untuk pelajar-pelajar bukan Melayu kerana saya tidak anggap keturunan Iban di universiti adalah 'reconcile' penuh dengan seruan saya supaya lebih banyak lagi tempat diperuntukan untuk pelajar-pelajar bukan Melayu kerana saya tidak anggap peluang-peluang pelajaran tinggi sebagai satu kek pelajaran yang tetap tetapi sebagai kek pelajaran yang sentiasa berkembang yang mampu menampung keperluan yang bertambah dari semua golongan di negara ini.

Ini adalah lebih penting apabila kita menimbangkan masalah pelajaran orang-orang Iban adalah mundur sekali dan sungguhpun Rancangan Malaysia Ketiga dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga memberikan angka-angka mengenai pelajar-pelajar universiti tempatan untuk orang-orang Melayu, China, India dan lain-lain, namun tidak ada sebarang angka pun yang berasingan untuk orang-orang Iban selain daripada dimasukkan di dalam golongan 'orang-orang lain' yang lanjutnya menggambarkan betapa mundurnya orang-orang Iban di dalam bidang pelajaran.

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG PENYE- LARASAN PERINDUSTRIAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Penyelarasan Perindustrian 1975; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### RANG UNDANG-UNDANG HAKCIPTA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Hakcipta 1969; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum diteruskan, saya nampak Ahli Yang Berhormat dari Menglembu ada di depan kerusinya, saya sudah tukarkan tempat duduknya ke No. 18 Blok F mengikut kuatkuasa yang diberi kepada saya di bawah Peraturan Mesyuarat 2.

**Tuan P. Patto:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

*(Y.B. Tuan P. Patto mengambil tempat duduknya No. 18 Blok F)*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PER- BADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi, menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (11hb Jun, 1979).

**Tuan Yang di-Pertua:** Pada masa Dewan ini ditangguhkan pada hari semalam Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu sedang menyampaikan ucapannya. Sila.

3.34 ptg.

**Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu):**  
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam ucapan saya semalam, saya telah menyentuh betapa pentingnya dipupuk usaha-usaha kerajinan tangan yang terdapat di negara ini yang akan dapat kita warisi kelak kepada keturunan kita yang akan datang sebagai suatu ciri kebudayaan bangsa dan negara kita. Saya juga telah menyebut bahawa kraftangan atau seni pertukangan tangan adalah berkait rapat dengan kebudayaan yang menjadi identiti kepada sesuatu masyarakat bangsa. Demikian pula ia juga menjadi suatu identiti kepada sesuatu region, sesuatu negeri, sesuatu daerah. Perbadanan yang akan dibentuk melalui Akta ini saya berharap akan berusaha dan berupaya untuk mengekalkan identiti daerah, negeri dan region ini dengan perusahaan kraftangan yang sedang berjalan sedang wujud dalam daerah-daerah, negeri atau region yang tersebut. Perbadanan ini hendaklah berusaha seboleh-bolehnya untuk mencegah dislocation perusahaan ini seperti yang telah berlaku kepada perusahaan batik, perkara ini telah disebut oleh rakan saya daripada Tanah Merah semalam, akan tetapi oleh kerana perkara ini adalah amat penting saya berharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tidak jemu-jemu mendengar rayuan ulangan supaya perkara ini diberi perhatian yang khusus oleh perbadanan ini.

Apa yang telah berlaku kepada perusahaan batik ialah selama ini identiti batik dan Pantai Timur itu merupakan satu synonymous akan tetapi oleh kerana desakan-desakan untuk menjadikan kraftangan perusahaan kerajinan tangan itu sebagai suatu perusahaan commercial venture maka ia telah dibawa ke Pulau Pinang, dibawa ke Kuala Lumpur dan di lain-lain tempat sehingga bila disebut batik identiti Pantai Timur pada batik itu sudah hilang. Saya tidak bermaksud hendak propagate regionalism dalam Dewan yang mulia ini tetapi di mana-mana juga dalam dunia ini identiti sebuah kawasan itu adalah dipelihara dan dipupuk sepanjang-panjang yang mengenai perusahaan kraftangannya.

Saya terpaksa menyebut ini oleh kerana ada percubaan pada suatu ketika dahulu untuk membawa perusahaan membuat kain songket daripada Pantai Timur ke Negeri Sembilan.

Sahabat-sahabat kita daripada Negeri Sembilan juga barangkali mendapat inspirasi daripada keindahan yang dicipta oleh orang-orang di Pantai Timur mengusahakan kain songket dan mereka juga mahu melihat perusahaan kain songket dibina di Negeri Sembilan. Kita tidak selfish dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi kalau pergerakan ini tidak dikawal oleh badan seperti ini pada masa akan datang maka lamakelamaan suatu keadaan yang berkecamuk akan berlaku dalam bidang perusahaan kraftangan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mesti jelas dalam fikiran kita bahawa apakah yang hendak kita majukan melalui Perbadanan ini. Adakah kita hendak majukan barang-barang perusahaan tangan sebagai satu ciri hasil kesenian atau hendak kita majukan barang-barang perusahaan kraftangan sebagai satu usaha perusahaan, ataupun apa yang kita panggil commercial venture. Pada pendapat saya, pihak Perbadanan yang mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk memberi pertimbangan kepada dua unsur ini, di samping kita memajukan kraftangan sebagai satu usaha yang viable kita juga haruslah jangan lupa kepada fungsi seni yang terdapat dalam kraftangan itu. Kalau perusahaan kraftangan ini semata-mata hendak dimajukan sebagai industrial venture maka yang akan lahir nanti ialah commercial products, bukan hasil seni yang akan lahir nanti samalah seperti sabun "Fab" atau "Planta margarine" sedangkan yang kita hendak lihat ialah satu barang kesenian yang boleh kita tinggalkan kepada keturunan kita yang akan datang yang akan boleh kita perkenalkan identiti kesenian rakyat kepada orang lain di luar negeri dan keturunan kita yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, perbezaan di antara commercial venture dengan bidang kesenian ialah terletak kepada approach. Dalam commercial venture yang ditekankan ialah production barang yang dikeluarkan dalam pengertian quantity dan quality. Akan tetapi dalam menghasilkan sesuatu hasil seni apa yang ditekankan ialah karyawan dan mutu seni yang dilahirkan. Apa yang ditekankan dalam pengeluaran hasil seni ialah senimannya itu dan mutu seninya. Beribu-ribu pelukis dapat meniru lukisan-lukisan Rembrandt

akan tetapi hanya Rembrandt yang dapat melukis yang dapat melahirkan satu karya seni seperti yang dilahirkannya. Lukisan-lukisan tiruan Rembrandt dicetak dan dijual di tepi-tepi jalan akan tetapi hasil yang dilukis oleh tangan Rembrandt itu sendiri hanya mampu dibeli oleh kerajaan negara-negara dan dipamerkan di muzium-muzium seni atau Museum of Arts. Yang dibanggakan di sini bukanlah gambar yang dilukiskan Rembrandt tetapi ialah Rembrandt sendiri. Mungkin para karyawan kraftangan kita tidak dapat mencapai recognition sehebat Rembrandt namun dalam soal membuat analogi ini untuk menekankan betapa pentingnya pihak Perbadanan ini di dalam operasinya nanti mengadopt satu approach yang betul iaitu approach apa yang kita panggil *people-oriented* bukan *production-oriented* dan kalau inilah maksud daripada Clause 7(2) dalam Rang Undang-undang ini maka saya ingin siang-siang lagi mengucapkan tahniah kepada pihak-pihak yang menggubal Rang Undang-undang ini yang telah dapat menuliskan satu falsafah yang betul, yang tepat bagi perjalanan Perbadanan ini pada masa depan.

Di samping itu, kita juga perlu mengasuh dan mendidik para angkawan dan ahli ekonomis daripada Perbendaharaan (Khazanah) supaya mereka tidak menggunakan barometer orang ekonomi ketika menilai kejayaan Perbadanan ini nanti. Saya bimbang mereka nanti akan ingin melihat statistik, melihat cash-flow, melihat berapa banyak yang dihasilkan, berapa banyak yang dijual, berapa banyak produksi seperti yang biasa diukur ketika menilai kejayaan Perbadanan-perbadanan Kerajaan yang lain. Oleh kerana seni adalah sesuatu yang tidak dapat dilihat kepada kadar quantity tetapi seni adalah sesuatu yang dirasa dan perasaan itu adalah sukar untuk diukur dengan apa juga kayu ukur sekalipun.

Misalnya kalau kita lihat kepada perusahaan membuat carpet kalau boleh dijadikan perbandingan carpet Persia barangkali sebidang carpet mengambil masa setahun membuatnya tetapi ia tahan 100 tahun dan hanya mampu dibeli oleh kalangan-kalangan yang tinggal di istana atau orang-orang jutawan. Carpet yang sebesar itu juga biasa dihasilkan 100 malah 1,000 sehari oleh kilang-kilang membuat carpet tetapi mungkin tidak

dapat tahan sampai 10 tahun. Demikianlah kita perlu mengorientasi pemikiran pegawai-pegawai, para ekonomis di Khazanah dan juga pegawai-pegawai yang akan bertugas dengan Perbadanan ini sendiri nanti supaya yang ditekankan bukan jumlah kuantitinya tetapi quality seninya.

Tuan Yang di-Pertua, sempena dengan penubuhan Perbadanan ini saya inginlah menganjurkan supaya Perbadanan ini kelak memikirkan pada masa akan datang untuk menubuhkan seberapa banyak pasar seni di negara kita ini terutama di bandar-bandar besar seterusnya ibu kota negara kita ini yang menjadi tumpuan pelancung supaya dengan harapan ia menjadi satu "Window Malaysia". Orang datang daripada luar negeri tiada waktu untuk pergi menziarah seluruh negara untuk melihat kebudayaan kerajinan tangan hasil kraftangan rakyat negeri ini tetapi dengan adanya pasaran seperti ini ditubuh di Kuala Lumpur misalnya maka mereka dapatlah melihat bagaimana rakyat kita mempunyai bakat untuk mengeluarkan bahan-bahan seni kerajinan tangan. Mungkin pada masa akan datang pasar-pasar seni yang saya sebutkan tadi dapat juga ditubuhkan di pusat-pusat dunia luar, di London, New York dan sebagainya.

Satu perkara yang akhir saya hendak sebut ialah sedikit sahaja lagi iaitu mengenai satu aspek yang tidak wujud di dalam Rang Undang-undang ini iaitu dalam maksud Clause 7(1)(a)—memajukan dan, di mana perlu, menggiat dan memulihkan kemahiran dan ketukangan tradisional. Istilah 'tradisional' di sini barangkali tidak begitu jelas apakah yang dimaksudkan dengan tradisional ini; tradisional dalam ertikata native base atau tradisional yang diimport daripada luar negeri pun boleh dikatakan tradisional juga. Jadi yang hendak dimajukan oleh Perbadanan ini saya berharap mestilah berdasarkan ketukangan tradisional native base atau sekurang-kurangnya kalau hendak kita perluaskan sedikit lagi bersifat nusantara base iaitu barangkali lebih relevant kepada keadaan hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Dungun.

3.52 ptg.

**Tuan Awang bin Jabar (Dungun):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut menyokong di atas Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, 1979 yang telah dibincangkan dari sejak hari semalam.

Memerhatikan Fasal 7(1)(a) hingga (e) dapatlah kita membuat kesimpulan bahawa Perbadanan Kraftangan Malaysia ini sudah kena pada tempatnya dan pada masanya kita lahirkan secepat mungkin. Sebab ia menimbulkan dua perkara atau sekurang-kurangnya apa yang kita dapat daripada yang tercatat di dalam Rang Undang-undang ini dua tujuan pentingnya ialah pertama memberi peluang pekerjaan kepada rakyat di negara ini. Kedua menghidupkan semula ataupun menghidupkan seni ketukangan tangan tradisional.

Meneruskan percakapan saya, Tuan Yang di-Pertua, mengenai peluang-peluang pekerjaan yang akan terbuka dengan adanya Perbadanan ini amatlah kita rasakan cerah sekali. Sama ada secara langsung atau tidak, ramai daripada rakyat dalam negara kita ini akan dapat peluang pekerjaan, sama ada terdiri daripada mereka yang mempunyai kemahiran tangan dan tidak mempunyai sijil-sijil akademik yang tinggi ataupun mereka yang terlibat dengan tidak secara langsung seperti umpamanya bila barang-barang pertukangan tangan daripada mengkuang, daripada pandan hendak diadakan sekurang-kurangnya ladang-ladang ataupun estet-estet pandan ataupun mengkuang ini mesti diadakan dahulu. Jadi dengan tidak secara langsung banyak lagilah tanah-tanah ataupun estet-estet pandan ataupun mengkuang akan terbuka di negara kita ini. Itu secara misalan sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua saya hendak tekankan sedikit ialah mengenai menghidupkan seni pertukangan tangan tradisional. Sepanjang yang kita ketahui bahawa negara kita atau bangsa kita kaya dengan seni pertukangan, kaya dengan seni pahat, kaya dengan seni ukir yang dapat kita lihat melalui berbagai-bagai barang-barang peninggalan purba sama ada di Muzium, di mesjid-mesjid dan sebagainya. Ini adalah satu perkara yang berkait rapat

dengan seni 'Khat' ataupun seni Tulisan Jawi. Sebagaimana yang kita tahu juga tulisan Jawi adalah satu-satunya tulisan yang kita warisi daripada turun-temurun lagi dan tulisan ini seharusnya ataupun sewajibnya dihidupkan semula ataupun diperluaskan penggunaannya, amalannya di dalam negara kita ini sama ada secara rasmi ataupun tidak rasmi.

Bercakap mengenai tulisan Jawi dan hubungannya dengan pertukangan tangan tradisional ini, saya merasakan Perbadanan ini perlu mengadakan bengkel-bengkel latihan tulisan tangan ataupun tulisan Jawi yang tersendiri kerana tulisan Jawi mengikut kaedah-kaedahnya yang tertentu tidaklah mempunyai satu bentuk sahaja. Ia ada mempunyai berbagai-bagai bentuk, berbagai-bagai kaedah. Antaranya Rakaah, Nasah, Diwan dan berbagai-bagai lagi. Jadi tulisan-tulisan ini amatlah sesuai diukir, dipahat di kayu-kayu, di batu-batu guna untuk menjadi identiti sama ada kemelayuan ataupun keislaman yang ada di negara kita ini. Sebab bagi pelancung-pelancung, Tuan Yang di-Pertua, bila dia mengunjungi sesebuah negeri bukan sahaja perkara-perkara yang dapat dibeli itu dibawa balik, tetapi perkara-perkara yang tidak dapat dibeli pun dibawa balik, perkara-perkara yang menakjubkan dan mengkagumkan sama ada dari segi tulisan, lukisan dan berbagai-bagai itu disematkan di dalam album kenangan mereka dan dibawa pulang ke negara mereka. Maka terpacaklah identiti kemelayuan ataupun keislaman di negara kita ini ke dalam hati para pengunjung ataupun pelancung-pelancung yang mengunjungi tanahair kita.

Saya berharap kepada Perbadanan Kemajuan Kraftangan ini supaya mengusahakan sebaik-baiknya di dalam memperluaskan seni tulisan 'Khat' ini. Kita jangan memikirkan masalah pasaran. Masalah pasaran adalah masalah yang kedua kerana pasaran itu adalah masalah commercial, kerana kita sekarang ini sedang membangunkan banyak masjid-masjid, membina banyak surau-surau di dalam negara kita ini. Jadi kita lihat kebanyakan surau-surau yang dibangunkan, masjid-masjid yang dibina itu jarang-jarang kita kedapatan yang dipenuhi dengan tulisan-tulisan Jawi yang diukir daripada kayu ataupun batu.

Jadi masalah hendak memasarkan atau hendak mempergunakan hasil daripada ciptaan ahli-ahli ukir daripada Perbadanan ini tidak timbul kerana kita dapat gunakan ataupun salurkan hasil kerja tangan mereka ini bersama-sama dengan pembinaan surau-surau dan masjid-masjid yang kita bangunkan di seluruh negara kita ini. Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Parit.

4.00 ptg.

**Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam di dalam Dewan yang mulia ini.

Setelah membaca segala yang tercatat di dalam Rang Undang-undang ini kita dapati bahawa negara kita sangat kurang dengan pengeluaran kraftangan, keluaran artistik yang mempunyai nilai atau daya tarikan yang berunsur kebudayaan atau tradisional. Ini adalah disebabkan oleh kerana kurangnya penyelidikan yang dibuat oleh pegawai-pegawai Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia sejak Malaysia mencapai kemerdekaan. Ini bukanlah bererti tidak ada langsung penyelidikan yang dibuat tetapi dasar seperti yang terkandung di bawah Seksyen 25 Akta Majlis Amanah Rakyat (MARA) 1966 itu tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Ini juga menyebabkan perkembangan kraftangan sepertimana yang dibahaskan di dalam Dewan yang mulia ini supaya Rang Undang-undang bernama Perbadanan Kemajuan Kraftangan disusun semula untuk memperkembangkan atau dikuatkuasakan setelah Rang Undang-undang ini diluluskan.

Di dalam negara kita yang banyak kita dapat lihat perkembangan kraftangan dan boleh dikatakan tiap-tiap negeri mempunyai kelebihannya dari segi seni. Umpamanya di Kelantan termasyhur dengan layang-layang atau wau, pertukangan tembaga, gasing dan lain-lain seni pertukangan. Selain daripada itu di Negeri Sembilan terdapat seni pertukangan yang menggunakan tempurung

kelapa untuk dijadikan perhiasan, tempat bunga dan lain-lain.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Di Perak pula terkenal dengan tekat menekat untuk perhiasan pelamin semasa kenduri kahwin seperti bantal timbul, bedspread, bolster, kasut benang emas timbul dan sebagainya.

Selain daripada itu terdapat juga seni membuat labu air iaitu di Kuala Kangsar, Perak yang mana labu-labu ini dibuat daripada tanah liat. Ini adalah sebahagian daripada perusahaan dalam rumah (cottage industry) yang mana patut digalakkan oleh Kerajaan supaya kaum bumiputra lebih bergiat dalam bidang ini untuk meninggikan taraf hidup mereka disamping memperkenalkan seni pertukangan tradisional yang semakin lama semakin luput.

Selain daripada itu keluaran batik banyak terdapat di pasaran seperti tas tangan, poster-poster dibuat daripada batik. Di sinilah sepatutnya Kerajaan memberi bantuan ataupun peruntukan kepada bumiputra atau memberi kemudahan latihan supaya dapat banyak mengeluarkan bahan-bahan kraftangan yang cukup untuk dieksport keluar negeri. Kerajaan juga patut mengarahkan pegawai-pegawai berhijrah keluar bandar untuk mendapat lebih banyak maklumat dari orang ramai mengenai berbagai aspek perusahaan kraftangan oleh kerana menjalankan penyelidikan kraftangan di luar bandar bukannya satu perkara yang mudah sepertimana yang dianggap oleh Kerajaan. Kerana penduduk luar bandar mereka enggan memberi butir-butir dan maklumat-maklumat mengenai cara seni itu dibuat.

Seperti yang kita sedia maklum, mereka membuat kerja ini bukannya ada cara yang tertulis melainkan dengan kemahiran yang turun-temurun lagi pun mereka takut jika pertukangan mereka digantikan dengan cara moden, maka ini akan meruntuhkan perusahaan mereka dan oleh itu sangat sukar kita hendak mendapat dengan cara teliti bagaimana benda-benda itu dibuat.

Sekiranya Kerajaan hendak menggalakkan perusahaan tersebut adalah mustahak Kerajaan mengadakan segala kemudahan secara beransur-ansur seperti mendirikan woksyp memberikan latihan yang cukup dan dengan memberikan bantuan kewangan tanpa memberikan latihan akan merugikan segala cita-cita bumiputra di luar bandar.

Pada hari ini banyak pelancung-pelancung yang datang ke negara ini membeli barang-barang buatan tangan secara asli untuk dibawa balik ke negara mereka sebagai kenangan mereka datang ke Malaysia.

Berbalik saya kepada seni tekat-menekat yang saya katakan tadi, setahu saya belum ada negeri dalam Malaysia yang membuat tekat-menekat atau bantal timbul yang dibuat daripada benang emas, baldu, velvet atau kertas dan sebagainya. Walaupun masa yang diambil untuk menyiapkan satu set yang lengkap ialah lebihkurang enam hingga tujuh bulan tetapi ianya boleh dijual dengan harga yang mahal. Pernah seorang pelancung membeli satu set ini dengan harga \$2,500 di Perak. Kepada mereka harga sebanyak ini adalah murah kerana mereka menilaikan hasil kraf-tangan ini dari segi seni.

Dalam kawasan saya banyak terdapat mereka yang mahir dalam membuat tekat-menekat ini serta lain-lain kerja tangan. Tetapi malangnya tidak mendapat perhatian dari pihak Kerajaan. Kerajaan tidak membantu mereka dari segi penghasilan dan pasaran. Kiranya mereka membuat pertukangan tangan dan tidak mendapat pasaran, hasil tangan mereka akan terbuang sahaja. Oleh yang demikian, Kerajaan adalah digesa supaya mencari pasaran bagi pertukangan tangan asli seperti ini kerana selain daripada kita menjual atau memperkenalkan kesenian kita dengan secara tidak langsung kita dapat menolong meninggikan taraf kehidupan luar bandar.

Setelah lulus Akta ini saya akan berasa sukacita sekiranya pegawai-pegawai dari Kementerian Perusahaan Awam dapat menghubungi saya untuk mendapatkan maklumat-maklumat lanjut dan bagaimana hendak mengembangkan perusahaan ini secara besar-besaran iaitu sebagai perdagangan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Pagoh.

4.09 ptg.

**Tuan Muhiyuddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama dengan rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lebih awal telah bangun untuk memberikan serba sedikit pandangan berhubung dengan Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979.

Buat permulaannya saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Penggubal Undang-undang dan juga kepada pihak Kementerian Perusahaan Awam yang telah mendapati perlunya Rang Undang-undang ini digubal dan diluluskan oleh Parlimen dan saya yakin ini adalah disebabkan timbul kesedaran tentang sudah wujudnya gejala-gejala yang mungkin kalau tidak dikawal akan membawa akibat hilangnya unsur-unsur yang juga kerja-kerja tangan tradisional di dalam negara ini dan sebahagian besarnya disebabkan oleh proses modenisasi dan juga perkembangan dan kemajuan yang pesat berlaku di dalam negara kita pada hari ini.

Saya yakin pembentukan perbadanan ini adalah satu langkah yang positif yang menuju kepada memberi nafas yang baru kepada satu industri tradisional dan juga menghidupkan kembali hasil-hasil kerja tangan dan seni-seni ukir dan tenunan yang kian lama kian menghilang. Tindakan ini adalah satu tindakan yang boleh dianggap sebagai development—oriented dan di dalam pandangan saya dalam Dewan pada hari ini saya ingin menyenutuh satu perkara sahaja yang khusus iaitu berhubung dengan Clause 7 (2) dalam bab Tugas-tugas Perbadanan yang menyebut kalau boleh saya petek dengan izin Tuan Yang di-Pertua di sini:

“7(2) Dalam menjalankan tugas-tugasnya di bawah seksyen kecil (1), Perbadanan hendaklah menitik-beratkan dengan sewajarnya soal perlunya melindungi kepentingan istimewa tukang-tukang tradisional.”

Perkataan yang saya fikir menjadi intisari dalam Clause ini ialah melindungi kepentingan istimewa tukang-tukang tradisional. Di dalam hal ini soal memberikan perlindungan kepada industri kraftangan adalah

satu perkara yang pokok yang akan menentukan sama ada industri ini akan terus berkembang dan memberi sumbangan terhadap mewujudkan satu bentuk yang bernilai dan melambangkan keadaan keperibadian dan identity negara ataupun sekiranya perlindungan ini tidak diwujudkan sama ada dalam bentuk-bentuk peraturan-peraturan ataupun undang-undang maka kita yakin mungkin berlaku industri kraftangan ini akan hilang di dalam negara kita. Saya percaya dengan penubuhan perbadanan ini dan sebagaimana yang ditegaskan di dalam Bab 7 Tugas-tugas Perbadanan dan juga kuasa-kuasa yang diberi kepada perbadanan melalui clause 8 akan menentukan bahawa industri ini akan terus berkembang sebagaimana yang kita harap-harapkan.

Di dalam perkara perlindungan kepada perusahaan kraftangan, saya ingin mengemukakan beberapa pandangan khasnya lapan perkara yang saya harap akan diambil perhatian oleh pihak perbadanan ataupun pihak Kementerian yang berkenaan.

Yang pertamanya, dari segi perlindungan perusahaan kraftangan sebagaimana yang juga telah disentuh oleh rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lebih awal tadi iaitu berhubung dengan pemasaran hasil-hasil dan juga usaha-usaha bagi menentukan pertandingan-pertandingan yang tidak sihat tidak akan berjalan khasnya dalam bidang perusahaan kraftangan ini.

Yang keduanya, sebagaimana juga yang tercatat di dalam tugas-tugas perbadanan iaitu untuk memajukan dan menggiat perkembangan dan memelihara standard perusahaan kraftangan dengan berbagai cara termasuk mengadakan perkhidmatan penyelidikan, penasihat dan pengembang. Di dalam hal ini perkara yang penting saya percaya ialah soal mengekal satu mutu yang dapat diterima sebagai satu hasil yang bernilai tinggi. Dan keduanya menentukan di dalam soal pemasaran ini harga-harga yang berpatutan diadakan untuk memberikan hasil pendapatan yang sewajarnya kepada yang mengeluarkan seni ini.

Di dalam hal ini juga, sebagaimana yang tercatat dalam Rang Undang-undang ini iaitu berhubung dengan soal lesen untuk menggunakan logo perbadanan di dalam Bahagian V

Rang Undang-undang tersebut yang menyatakan bahawa mereka yang akan mengeluarkan hasil kerja tangan ini akan dilesenkan. Ini dari segi perundangan adalah satu tindakan yang wajar, sebagaimana yang telahpun saya sebutkan lebih awal tadi, soal pengawalan mutu dan penetapan harga dan pasaran adalah bergantung efektif atau tidaknya tindakan yang dijalankan oleh perbadanan bagi mengawal pengeluaran kraftangan ataupun hasil-hasil kerja tangan daripada mereka yang mengeluarkannya sama ada mereka ini mengeluarkan semata-mata untuk tujuan commercial ataupun lebih daripada itu ataupun mereka ini mengeluarkan hasil-hasil seni semata-mata untuk seni. Di dalam hal ini saya menyokong tentang mengadakan lesen-lesen bagi pengeluar-pengeluar dan juga bagi yang menghasilkan kerja tangan ini supaya di dalam soal pemasaran apabila seseorang pelancung umpamanya membeli sesuatu kerja tangan mereka akan yakin bahawa hasil itu dikeluarkan sebagai satu hasil negeri ini dan juga hasil yang dijamin mutunya oleh pihak perbadanan.

Perkara yang ketiga yang ingin saya sentuh berhubung dengan perlindungan kepada perusahaan kraftangan ini ialah bahawa dengan tertubuhnya perbadanan kita mengharapkan perbadanan akan mengadakan peraturan ataupun dasar-dasar tertentu bagi mengelakkan kemungkinan berlaku dumping ataupun hasil-hasil yang dikeluarkan oleh negara-negara jiran dijual dengan begitu murah dalam negara ini yang secara langsung dan secara tidak langsung akan menjejaskan pengeluaran-pengeluaran kerja tangan yang dihasilkan oleh mereka yang datang daripada negara kita. Perkara ini mungkin berlaku umpamanya dalam soal pemasaran keluar batiknya yang sebagaimana kita ketahui kebanyakan daripada negara-negara jiran kita juga adalah negara-negara yang mengeluarkan hasil batik ataupun keluaran-keluaran tenunan yang seumpama itu. Sekiranya tindakan ataupun peraturan-peraturan tertentu tidak dilaksanakan oleh pihak perbadanan, kita khawatir bahawa perkara-perkara ini dan hasil-hasil ini akan dibawa masuk kedalam negara kita dan dengan secara langsung akan menjejaskan soal pemasaran hasil-hasil keluaran negara ini.

Perkara keempat berhubung dengan perlindungan (protection) kepada perusahaan

kraftangan ialah dari segi tindakan yang boleh dilakukan oleh pihak Kementerian Kewangan khasnya dalam melaksanakan dasar-dasar fizikal dan monetarynya iaitu khasnya berhubung dengan soal mengenakan cukai impot yang lebih tinggi terhadap hasil-hasil kerja tangan luar negeri terutamanya seumpama keluaran batek dan kerja-kerja tangan yang lain bagi mengelakkan hasil-hasil ini begitu banyak dijual di dalam negara ini. Dan jika perlu saya percaya pihak perbadanan dan pihak Kementerian akan dapat memikirkan satu cara preferential treatment kepada hasil-hasil yang dikeluarkan oleh negara-negara jiran tertentu sebagai satu tanda kerjasama kepada negara-negara yang tersebut.

Perkara kelima ialah dalam segi menggalakkan export selain daripada perusahaan batek, saya percaya perusahaan-perusahaan kerja tangan yang lain juga mempunyai potentiality dari segi exportnya dan di dalam hal ini saya percaya dan yakin pihak perbadanan dengan kerjasama pihak Kementerian Kewangan akan dapat memikirkan cara-cara di mana bahan-bahan keluaran kraftangan kita ini akan dapat dipasarkan di luar negeri. Di dalam hal ini soal mengadakan cara-cara ataupun duti-duti export yang lebih menggalakkan perlulah diadakan oleh pihak Kerajaan.

Perkara yang keenam, sebagaimana yang kita ketahui industri atau perusahaan kerjatangan atau kraftangan ini semakin lama semakin berkurangan dan kita mengharapkan dengan tertubuhnya perbadanan usaha ini akan dapat dipergiatkan untuk menghidupkan lebih banyak lagi industri ini dalam negara ini dan di dalam hal yang demikian bolehlah kita anggap bahawa industri kraftangan ini satu industri yang perlu mendapat perlindungan dan bantuan yang sewajarnya daripada pihak Kerajaan.

Dengan tertubuhnya Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dan di dalam tugas-tugas serta tujuan-tujuan penubuhannya dapatlah difahamkan melalui perbadanan ini nanti pihak perbadanan khasnya akan dapat memikirkan cara-cara bagi mengadakan skim-skim bantuan termasuk mengadakan kemudahan-kemudahan kredit dan juga

kemudahan-kemudahan subsidi kepada pengusaha-pengusaha kecil-kecil yang kita harapkan akan dapat menghidupkan kembali perusahaan kraftangan di dalam negara ini. Perkara ini adalah perlu sebagaimana yang kita ketahui dalam dasar yang dijalankan oleh Kerajaan sekarang ini banyak industri-industri yang lain-lain juga khasnya yang berasaskan pertanian diberikan subsidi, diberikan kredit dan lain-lain skim galakan supaya petani-petani yang berkenaan umpamanya akan dapat berusaha dengan lebih menggalakkan lagi bagi menghasilkan keluaran mereka. Di dalam hal ini tidaklah terkecuali bahkan adalah patut dan perlu bagi pihak Kementerian dan melalui perbadanan ini untuk memikirkan cara-cara mengadakan skim-skim pinjaman, umpamanya bagi membeli alat-alat loji-loji jentera dan sebagainya dan juga memberikan bantuan subsidi ataupun harga-harga istimewa bagi bahan-bahan mentah, umpamanya kain bagi perusahaan batek ataupun tembaga bagi perusahaan tembaga dan sebagainya supaya pengusaha-pengusaha ini akan dapat hidup dengan lebih menggalakkan lagi.

Di dalam hal ini juga tidaklah asing kalau dapat kita katakan bahawa perusahaan kraftangan bolehlah walaupun merupakan satu perusahaan yang tradisional bolehlah dianggap sebagai satu perusahaan yang baru yang perlu kita galakkan.

Saya ingin mencadangkan sekiranya boleh pihak Kementerian Perusahaan Awam dengan kerjasama pihak Kementerian Kewangan memikirkan untuk memberikan kemudahan taraf printis kepada pengusaha-pengusaha yang baru lahir, sebab ini perlu. Di dalam keadaan yang ada sekarang ini, mereka ini tidak diberikan apa-apa galakan seumpama galakan yang telahpun saya sebutkan tadi, apa lagi untuk diberikan taraf printis sebagaimana yang diberikan kepada syarikat-syarikat yang besar yang baru memulakan perniagaannya dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan satu pandangan juga di dalam Majlis ini berhubung dengan kuasa perbadanan. Di dalam Fasal 8(f) yang menyebutkan soal bahawa perbadanan boleh menjalankan penyelidikan bagi memodenkan sektor perusahaan kraftangan ini. Satu perkara yang saya

percaya perlu mendapat perhatian perbadanan ialah tentang hakikat bahawa walaupun negara kita ini merupakan negara pengeluar getah yang utama di dalam dunia selain daripada barang-barang lain, belum ada dan masih belum wujud lagi satu hasil kerja tangan yang melambangkan bahawa getah itu menjadi hasil pengeluaran negara kita. Kita tidak tahu apakah sebabnya perkara ini berlaku tetapi dengan penubuhan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia ini, saya percaya satu daripada perkara yang boleh diselidiki untuk bukan melahirkan ataupun menghidupkan kembali hasil-hasil kraftangan tradisional tetapi juga untuk mewujudkan satu hasil kerja kraftangan yang beridentikitkan Malaysia melahirkan kerja-kerja seni yang berasaskan Malaysia iaitu menggunakan hasil-hasil keluaran tempatan, umpama getah, daripada pokok getahnya kepada daun getahnya ataupun buah getahnya yang boleh digunakan sebagai hasil-hasil kerja tangan sebagaimana juga yang berlaku di negara-negara jiran kita seperti di Filipina, Thailand dan sebagainya. Ini saya hairan mengapa sehingga ini belum ada lagi usaha-usaha dijalankan bagi mewujudkan hasil-hasil kraftangan dari segi getah dan saya yakin dengan penubuhan perbadanan ini usaha ini akan dapat dijalankan.

Pada akhirnya, sebagaimana yang termaktub di dalam Rang Undang-undang ini disebutkan bahawa perbadanan adalah diberi kuasa untuk menubuhkan anak-anak perbadanan. Bukanlah maksud saya di sini untuk memberi amaran tetapi sebagaimana yang mungkin kebiasaan berlaku, sesebuah perbadanan yang ditubuhkan, kemudian nanti dengan sebab bidang kuasa dan juga keupayaan kewangan yang ada padanya maka banyak anak-anak syarikat ditubuhkan. Saya yakin beberapa syarikat-syarikat yang telah pun ditubuhkan di bawah Lembaga Kraftangan Malaysia ini akan diiktiraf sebagai anak syarikat kepada perbadanan tetapi di samping itu perlulah pegawai-pegawai, khususnya Kementerian Perusahaan Awam memikirkan supaya mengambil tindakan yang berjajaga untuk mengelakkan duplication ataupun pertimbangan tugas di dalam anak-anak syarikat yang akan bentuk nanti dan juga untuk menentukan supaya sesuatu anak

syarikat yang akan ditubuhkan itu betul-betul viable sebelum sesuatu projek itu dilancarkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menyokong akan Rang Undang-undang yang telah dibentangkan.

**Tuan (Timbalan) yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

*4.26 ptg.*

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri petang semalam.

Saya berpendapat Undang-undang ini adalah sebagai salah satu jalan ataupun satu cara lagi daripada usaha-usaha Kerajaan hari ini untuk meninggikan taraf hidup rakyat, khususnya bumiputra yang ada dalam Malaysia. Saya berkata begitu bukanlah maksud saya memihak kepada perkauman tetapi kita sama-sama maklum satu-satu negara yang rakyatnya akan hidup aman dan makmur, bersatupadu mestilah pendapatan rakyat di negara itu kedudukannya seimbang di antara bangsa-bangsa yang ada dalam negara itu. Maka sudah sewajarnya Rang Undang-undang ini dikemukakan dengan tujuan sebagaimana saya katakan tadi kerana di sini banyak maksud dan tujuannya sebagaimana kita tahu, satu cara menambah ekonomi rakyat negara kita, khususnya kepada bumiputra, kerana bumiputra kita walaupun diusahakan oleh berbagai-bagai jalan oleh Kerajaan namun kerendahan pendapatan bumiputra tidak boleh kita nafikan, walau macam mana ikhtiar Kerajaan itu sangat-sangatlah kita mengalu-alukan dan Kerajaan masih berikhtiar dengan berbagai-bagai jalan. Salah satu caranya, saya berpendapat Rang Undang-undang ini juga termasuk daripada ikhtiar-ikhtiar Kerajaan dan Rang Undang-undang ini bukanlah semata-mata untuk meninggikan taraf ekonomi tetapi Rang Undang-undang ini akan membawakan juga kepada kesenian, kebudayaan negara kita yang tulin.

Tuan Yang di-Pertua, sesudahnya sama-sama kita mendengar Rang Undang-undang ini dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan dengan hujjah-hujjahnya dan juga kita telah mendengar hujjah-hujjah yang telah dikemukakan oleh saudara-saudara saya daripada wakil-wakil yang lain maka sama-sama kita yakin telah menjadi kenyataan kepada kita dan bukti kepada kita bahawa Rang Undang-undang ini amatlah bagus dan kraftangan ini amatlah baik dan bahan-bahan yang ada dalam Malaysia amatlah banyak dan berguna. Tinggal lagi berjaya atau tidaknya Rang Undang-undang ini bergantunglah kepada pelaksanaan, kalau pelaksanaannya baik, saya yakin tujuan dan maksud yang baik ini akan dapat dilaksanakan. Baik buruknya satu-satu perkara itu, adalah bergantung kepada dua-tiga faktor pada pendapat saya, satu pada segi pelaksanaan; yang keduanya pada segi iklan dan sebagainya. Sebab yang saya kata dari segi pelaksanaan, satu-satu perkara yang baik buruknya itu, tentang perkara yang baik itu tetaplah baik, tentang perkara yang buruk itu, tetaplah buruk, tetapi kadang-kadang perkara yang tidak begitu baik sekalipun kalau dilakukan oleh orang yang bagus maka perkara itu kerap kali akan menjadi baik.

Kalau perkara baik sekalipun kalau dilakukan oleh setengah orang maka perkara yang baik itu tidak akan jadi. baik. Saya contohkan motokar. Walau motokar yang baik sekalipun kalau dipandu oleh orang yang cara memandunya tidak berlesen dan tidak tahu akhirnya motokar yang tidak rosak dan baru enjin dan segala-galanya akan terjun ke parit disebabkan pemandunya tidak cekap dan tidak berpengalaman dan kadang-kadang kalau motokarnya, buruk sekalipun tetapi boleh agaknya berjalan, tetapi dipandu oleh seorang yang berpengalaman dan bertimbang rasa, tahu cara motokar dan cara jalan; saya yakin motokar yang tidak begitu baik pun dapat sampai kepada matlamat yang kita tuju dengan cara perlahan kerana pemandu tadi amatlah mustahak sekali. Maka begitulah pendapat saya Rang Undang-undang ini baik, berjaya tidaknya adalah segi pelaksanaannya, itu pendapat saya. Maka dengan sebab itu saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan di segi akan melantik pegawai-pegawai

ini sebagaimana dikatakan oleh saudara-saudara saya yang lain, saya berharap sangat, lantiklah kena pada orangnya.

Kita sebagai rakyat yang beragama Islam, walaupun saya tidak pandai dalam Hadis, tetapi selalu dan biasa saya dengar dan kenyataan alam pun kita tahu sebagaimana saya katakan tadi, kita contohkan misalnya pemandu motokar. Nabi berkata dengan maksudnya: Kalaulah kita serahkan satu-satu pekerjaan itu yang bukan pada ahlinya, **tunggulah kemusnahan atau kejahatan**. Pendek kata, satu-satu benda itu biarlah pada ahli, janganlah misalnya saya katakan kraftangan ini, misalnya hendak suruh buat satu-satu rumah ataupun satu-satu pertukangan. Saya percaya, sehingga kepada kepek yang kecil pun, saya tidak sanggup hendak buat, kerana manusia ini ada yang dia tahu satu perkara dan ada yang dia tidak tahu satu perkara lain. Janganlah satu perkara itu yang dia tidak tahu, dia cuba hendak pegang walau diberi tugas dan Menteri pun saya berharaplah perkara ini diamati betul-betul. Ini perkara yang amat besar, pada pendapat saya.

Segi yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, satu-satu benda itu akan berjalan dengan baik, dia hendaklah ada peringkat atas sampai ke bawah. Kalau ada besar sahaja, tidak ada kecil, benda itu tidak sempurna. Kalau ada kecil sahaja, tidak ada besar, ibarat dalam keluarga rumah itu pun tidak begitu aman dan tenteram, tidak bahagia. Biarlah kedudukan rumah tangga itu ada peringkat tua, muda, sederhana dan sebagainya. Kalau peringkat tua sahaja pun dalam satu keluarga misalnya, semua golongan yang tua-tua umur 50 tahun duduk satu buah rumah, saya ingat rumah itu tidak nyaman dan tidak seronok. Dan kalaulah dalam satu rumah itu pula duduk di situ semuanya kanak-kanak, tidak ada yang tua, kacau bilau pula rumah itu, budak-budak bergaduh tidak berhenti.

Untuk mententeramkan dan seronok dalam rumah tangga itu, saya berpendapat biarlah terdiri daripada segenap golongan, ada yang berumur 50 tahun, ada yang berumur 40 tahun, ada yang berumur 30 tahun dan sampai kepada dua tahun, tempat bermanja, tempat ajak tateh pun ada sama, barulah rumah itu berseri dan nyaman. Begitulah juga

di segi kita hendak tubuh perbadanan dan sebagainya. Kalau semata-mata ada pangkat atas, pangkat bawah tidak ada, maksud kita tidak akan tercapai. Kalau ada bawah sahaja, atas juga tidak ada tidak juga tercapai. Jadi maksud daripada kehendak saya, biarlah ada peringkat perbadanan ini yang telah diasaskan oleh Kerajaan yang diambil daripada MARA tadi khas untuk Kerajaan dan untuk ini saya berpendapat biarlah ada peringkat Pusat, ada yang Jawatankuasa Perbadanan dan sekurang-kurangnya ada di peringkat Negeri dan kalau boleh peringkat Daerah pun ada. Jangan ada peringkat Pusat semata-mata, peringkat Negeri tidak ada, peringkat Daerah lebih-lebih lagi tidak ada. Maka saya takut perlaksanaannya ini tidak berjaya. Itulah harapan saya yang pertama, kerana satu-satu benda yang baik itu payah akan terlaksana, melainkan orang yang akan menjalankan itulah yang akan menjayakan dengan baik ataupun buat satu-satu perkara itu.

Yang kedua, iklan. Iklan adalah mustahak. Satu-satu perkara yang baik itu kadang-kadang orang tidak dapat tahu kita kata benda itu baik dan kadang-kadang benda yang tidak baik sekalipun kalau iklannya terlampau sangat, orang tertarik. Maafkan saya, kerana saya juga penghisap rokok. Sekotak memang masih ada di dalam poket. Duduk dalam Dewan, saya tidak lupa menghisap rokok, tetapi kita tidak nafi—ini saya tidak komplek kepada pembuat-pembuat rokok itu, kerana saya pun beli rokok. Kalau saya kompelen—salah itu sebagai kenyataan saya. Dalam TV dan Radio walaupun iklan dikenakan bayaran tetapi namun rokok yang saya hisap ini termasuklah juga rokok lain—maaf saya kerana misalkan rokok, sebab rokok ini sebagai satu contoh tiap-tiap malam iklan dalam TV ditayangkan dan kalau tidak silap saya amaran ada diberi, oleh Kerajaan Malaysia: Merokok Membahayakan Kesihatan. Orang hisap tidak berhenti termasuklah wakil Kangar kerana ketagih, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, iklan dalam TV cukup menarik, mengatakan rokok itu, rokok ini tambah-tambah "Rothmans" dengan bulat hiasannya sehingga kadang-kadang dia fikir yang iklan itu mustahak ia sanggup mengeluarkan beribu-ribu ringgit, agak saya sampai

beratus ribu sebagaimana dia menajakan pertandingan bola secara besar-besaran. Syarikat Rothmans menajanya, macam kita tengok hari ini tiap-tiap malam ada perlawanan bola sepak ditajakan oleh Syarikat Rothmans, kalau tidak silap saya, tetapi maknanya ditaja oleh satu daripada pengeluaran rokok, matlamatnya tidak lain, sebelum hendak tunjukkan bola ia iklankan rokok itu baik, panjang, lazat, sedap dan sebagainya. Sementelahan pula ia buat lazat dan sedap lagi, hisaplah rokok. Beratus ribu ia keluarkan duit, mencapai matlamatnya dengan iklan sahaja. Jadi, pendek kata, kalau benda itu baik sekalipun, orang tidak beritahu, tidak diiklankan orang tidak tahu benda itu baik. Ini adat manusia. Kadang-kadang seseorang itu tidak bagus sangat, bila di-jajakan oleh satu orang: dia ini baik, pergi ke sana, kata orang ini bagus, pergi ke sini, kata dia ini baik, akhirnya empat puluh orang mengatakan baik orang yang tidak baik itu-pun lama-kelamaan harum. Sebab itu pemberita-pemberita akhbar kadang-kadang kita biasa dengar cerita satu orang hendak menjatuhkan seseorang dia kena buat baik dengan pemberita akhbar. Pemberita-pemberita akhbar kita di sini bagus, mereka tidak termakan hasut, apa yang saya katakan ini boleh terjadi di masa dahulu. Inilah yang biasa saya dengar berlaku dalam satu negeri, seorang hamba Allah itu dia baik betul-betul, akhbar pun benda yang tidak betul, ia tidak masukkan tetapi akhbar tidak masuk langsung, kalau kawasan buat baik, macam manapun tidak ada namanya.

Ada setengah pemimpin dia hendak naik, akhbar memainkan peranan yang besar menolongnya. Kita tidak hairan cara ini. Begitu juga kadang-kadang seseorang itu hendak jatuh dengan pertolongan akhbar, dia kempen untuk menjatuhkannya buka cerita yang bukan-bukan akhbarnya kawan itu—saya tidak mahu kata tidak salah terus, tidak begitu teruk pun teruk yang hendak naik, yang kita terima, yang jatuh itu tidak payah kita sebut sangat, tetapi yang hendak naik ini banyak peranan daripada akhbar dan iklan. Sebab itulah saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, iklan adalah satu perkara yang baik. Saya berpendapat cara-cara tarikan dari iklan inilah yang membawakan segala kesenian-kesenian kita yang cukup diagongkan di

masa yang lepas, yang cukup indah sampai ke hari ini sekalipun.

Cuba kita tengok dalam Dewan ini. Bekas ukiran, walaupun hari ini dibuat daripada alat mesin tetapi ini adalah bekas ukiran tangan. Cuba kita tengok dinding yang berukir dengan kalam Allah, berukiran tangan dengan lambang dan sebagainya, ini adalah sebahagian daripada ukiran yang kita bincangkan. Soal ini cukup indah dan cukup cantik. Di masa yang silam, saya percaya ini dibuat dengan tangan, tetapi di masa zaman sains dan teknologi ini dibuat dengan alat mesin dan sebagainya, tetapi asalnya daripada alat tangan yang kita bincangkan. Maksud benda ini kita tidak nafikan, segala perkara ini indah dan cantik kalau ditengok, tetapi malangnya macam mana saya katakan tadi oleh sebab tarikan manusia hendakkan serba moden dan serba baru, kadang-kadang kita tidak nafikan, pembuatan yang dibuat daripada kraftangan amatlah cantik. Saya percaya ini bukan sahaja diakui oleh penduduk luar bandar atau orang Melayu bahkan diakui oleh penduduk luar negeri dan bandar-bandar yang besar-besar.

Contohnya, bandar kita Kuala Lumpur walau tak besar macam luar negeri. Saya misalkan Hilton Hotel yang istimewa yang kita biasakan mengadakan mesyuarat perwakilan UMNO dan sebagainya. Kalau tak silap saya di anjong tempat minum (coffee house) tepi-tepinya dengan berdinginkan buluh asli Malaysia. Ambui cantik ukiran itu dan kadangkala di sulam dengan lampu berukiran Malaysia. Ini dibuat daripada buluh. Inilah sebagai satu bukti yang kita tak nafikan bahkan bandar, pihak industri dan pihak perdagangan yang besar-besar mengakui bahawa yang kita bincangkan hari ini adalah menjadi matlamat ataupun berguna kepada kita semua tentang kraftangan Malaysia. Akan tetapi sebagaimana saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang manusia itu suka berlawan walaupun benda itu sudah indah dan cantik.

Saya sendiri semasa kecil dahulu saya biasa tidur di rumah kawan, saya sangat tertarik hati bila saya tengok dinding perhiasan anyamannya cukup cantik, Tuan Yang di-Pertua. Ini saya tak nafikan kalau hendak banding dengan bangunan hari ini,

cara kesenian, dalam rumahnya nyaman, tak hangat kalau dibandingkan dengan pembuatan hari ini, hari ini sejuk kita ada air condition, tak sejuk asli, tetapi bangunan yang dibuat dengan hasil kraftangan, benda asli hak Malaysia, bahan Malaysia sebagai buluh dan sebagainya kita duduk dalam rumah itu nyaman, seronok, sejuk asli yang diberi oleh Tuhan. Sejuk hari ini alat yang sama-sama kita adakan, sebab itu kadang-kadang kita sendiri mudah pening kepala mudah sakit dan sebagainya. Hak asli ini tidak, bila kita dapat hawa dingin di tepi laut, duduk di rumah itu kadang-kadang badan kita lebih sihat. Ini kenyataan. Tetapi apa boleh buat macam saya kata kerana manusia itu sifatnya suka berlawan. Bila seseorang sudah berada sedikit, dia duduk rumah kayu akhirnya dia buat rumah batu. Orang lain walaupun dia nyaman duduk rumah kayu dan rumah buluh dia berasa tak sedap apabila naik pangkat dan kaya sedikit. Misalnya, menjadi perhatian dalam satu kampung ada orang buat rumah batu, orang lain memandang pada dia. Dengan sendiri orang anggap dia kaya walaupun tak sangat kaya, tetapi agak kaya kalau tidak masakan boleh buat rumah batu. Jadi kawan yang berwang dia buat pula, itu disebut orang kaya, dia memang kaya pula.

Manusia ini, Tuan Yang di-Pertua, yang dia tak mahu dua perkara sahaja. Satu benda besar tak ketahuan di kaki, yang satu lagi saya tak mahu sebut di sini, sebut tak baik. Yang besar yang lain semua orang mahu. Ini tabiat manusia yang bila dia ada itu, dia ingin orang kata dia besar, dia kaya dan sebagainya dia terpaksa buat walaupun tanpa alat seni kerana ingin hendak, orang kata dia besar dan kaya cara bertamadun dia terpaksa buat. Tetapi kalau kita hendak kaji dengan teliti, saya berani kata terus terang alat-alat yang telah diadakan walaupun kata orang tua-tua di zaman silam, adalah baik, bukanlah kita hendak balik kepada masa yang lapuk, tetapi saya tak nafikan dan saya fikir Kerajaan pun percaya, kalau tidak dia tak buat undang-undang ini. Kalau Kerajaan tak percaya dia pun tak fikir begitu, dia tak buat Rang Undang-undang ini, tetapi sebab Kerajaan pun percaya apa yang ada, cara kraftangan kita, bahan-bahan yang ada dalam Malaysia, bahan asli kita

dalam hutan, dalam kampung kalau kita amati betul-betul dan kalau kita proses segala bahan itu akan mendatangkan menafaat yang banyak.

Pertama, menambahkan hasil sebagaimana kita sama-sama maklum.

Kedua, menambahkan seni kepada kita bersama-sama. Saya berharap, sebagaimana saya katakan tadi, iklan ini adalah satu perkara yang mustahak. Janganlah diharap iklan akan dibuat oleh pihak pengusahapengusahanya sendiri, kerana pengusaha itu modal tak ada. Yang kita berharap sangat iklan itu akan dilakukan oleh Kerajaan. Maka dengan sebab itu saya berpendapat Rang Undang-undang ini agak saya tidak akan mendapat kejayaan yang cemerlang kalau Kementerian yang lain tidak memberikan kerjasama yang seerat-eratnya. Banyak Kementerian yang saya berharap sangat. Yang pertama Kementerian Penerangan untuk buat iklan keduanya Kementerian Belia dan Sukan yang selalu buat wau dan **perkara-perkara lain. Perkara ini juga patut dititikberatkan.**

Ketiga, Kementerian Pertanian khasnya macam KEMAS hari ini selalu setahun sekali diadakan pertandingan hasil kraftangan tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja iaitu pergi cari setahun sekali, selepas itu dibuat pertunjukan barang itu, orang tak pakai, tunjuk balik setahun sekali. Saya harap jangan buat begitu. Satu lagi Kementerian Kewangan kita untuk memberi kewangan kerana kalau wang tak ada tak boleh buat.

Keempat, macam yang dikatakan oleh wakil Pagoh tadi saya bersetuju jua iaitu Kementerian Perdagangan juga akan terlibat dengan perkara ini.

Satu lagi saya berharap, selain daripada kita akan menjual kepada pelancung-pelancung, kita juga hari ini patutlah ubah satu sikap yang saya tak mahu contoh Siam (Thailand) tetapi semangat kebangsaan, semangat kenegaraan, kasih kepada hak yang dibuat oleh bangsa sendiri patut ada, Tuan Yang di-Pertua.

Saya perhatikan bila saya pergi ke negeri Thai, tetapi tak sampai ke Bangkok, habis jauh pun setakat Haadyai itupun sudah tiga

tahun yang lepas kerana di sana segala-gala murah. Saya pergi dengan isteri saya, kerana di sana semua murah dan ini saya ikhlas bercakap. Tiga tahun lepas, saya pergi dengan ikhlas dan dua minggu lepas isteri saya pergi dengan kawan dan kerana di sana katanya barang murah. Kalau pergi ke Haadyai hari ini, Tuan Yang di-Pertua, payah pula kalau hendak melangkah ke Padang Besar mesti ada paspot, itu yang rumit. Walau macam manapun kesimpulan—saya begini barang-barang di sebelah Thai khasnya macam rokok, kita katakan rokok sedap, rokok Thai tak sedap tetapi menjadi tabiat kepada penduduk Thai, sedap tak sedap mesti hisap rokok yang dibuat oleh rakyat negeri Thai sendiri. Itu maksud saya. Jadi saya berharap sebolebolehnya kita pihak pembesar-pembesar sendiri, orang-orang kaya sendiri, orang-orang yang berpengaruh sendiri selain daripada kita hendak harapkan kepada pelancung kita menggunakan apa yang dibuat oleh rakyat kita sendiri.

Dari segi seninya, saya ingat tak kurang dan tak luntur. Sebab itulah bagi pihak pelancung-pelancung kadang-kadang mereka sanggup beli macam mana kata wakil dari Balik Pulau kelmarin sampai berapa ratus ringgit sebiji labu yang dibuat oleh penduduk di sini kerana mereka tahu nilai dan cara seni, cantik mereka tengok apa yang dibuat oleh Rakyat Malaysia, cara kraftangan amatlah tinggi. Dengan sebab itu, saya berharap janganlah kita kata orang kalau mengikut dalam ayat Qur'an dikatakan berdosa kita suruh orang buat lagu lain, yang kita buat lagu lain. Biarlah kita hendak pelancung beli dan kita juga rakyat Malaysia khasnya pembesar-pembesar yang mempunyai rumah-rumah yang indah selain daripada kita mengindahkan rumah kita dengan alat-alat perabot dengan keindahan yang ada seperti bunga orkid yang diterima daripada Barat, kita tukarkanlah dengan bahan kraftangan yang ada di Malaysia yang saya ingat lebih indah lagi daripada orkid yang kadang-kadang saya tengok orkid, saya pun tak faham mengapa harganya sampai beratus ringgit. Ini bukan fasal apa, Tuan Yang di-Pertua, fasal iklan. Seorang kata orkid saya bagus.

Jadi manusia ini macam saya kata tadi, bila seorang kata bagus, engkau kata bagus

aku kata bagus, ikut bagus, benda batu menjadi bagus, sebab itu orang takut hantu. Kadang-kadang bukan ada hantu. Jadi ada orang mengatakan jangan pergi situ, aku tengok hitam. Hantulah timbul. Itu tabiat asli manusia dan kita ubah sama-sama. Kalaulah di masa yang silam kita tengok kraftangan yang ketinggalan belakang, saya berharap sangatlah di masa yang akan datang akan ditinggikan lagi, khususnya saya berharap dengan adanya Rang Undang-undang ini akan memberi mata pencarian khususnya kepada perempuan-perempuan. Kita tahu cara kraftangan itu kerjanya tak teruk, kerjanya ringan boleh dibuat oleh orang perempuan, baik di Pantai Timur ataupun di Pantai Barat. Janganlah semata-mata kita titikberatkan kepada Pantai Timur semata-mata. Saya percaya Menteri yang berkenaan tak tengok Pantai Timur sahaja walaupun di sana ada batik kerana tiap-tiap negeri itu ada keasliannya masing-masing. Kalaulah di Kelantan agak saya ada batik, saya harap kita majukanlah batik itu betul-betul dan tolong sebagaimana dikatakan oleh wakil Pagoh tadi. Saya berharap sangat-sangat janganlah setakat perusahaan ini sahaja tetapi bila datang kepada pasarannya, orang lain pula kita beri ambil tempat.

Maka dengan sebab itulah kebanyakan daripada pengusaha-pengusaha kita khususnya bumiputra menjadi mangsa segenap segi baik pak tani kita menjadi mangsa. Bila hendak keluarkan padi kitalah yang kena miangnya, masuk dalam lumpur, bila sudah jadi padi kering maka orang tengah akan dapat untung yang banyak, begitu juga cara-cara lain. Bila kita hendak adakan pasaran macam saya katakan tadi kraftangan kita hendak buat daripada buluh, kita hendak buat periuk dan sebagainya, hendak cari tanah, hendak cari buluh kena duri dan miangnya ialah pengusaha-pengusaha daripada orang kecil-kecil ini khususnya bumiputra. Tetapi bila sudah jadi benda itu, tidak kena kotor, sudah indah diserahkan pula kepada seorang pedagang dan orang itu akan dapat untung bukan setengah kali ganda tetapi berlipat kali ganda. Saya berharaplah sangat kepada Kerajaan hendak kembangkan kraftangan ini kepada tiap-tiap negeri yang ada dalam Malaysia, macam saya katakan tadi hendaklah diberi bantuan.

Kalaulah macam Kelantan yang perlukan kain putih kerana kain putih tidak ada carilah jalan macam mana hendak mendapatkan kain putih dengan mudah. Walaupun saya di Perlis, saya biasa dengar dalam akhbar-akhbar, pembatik-pembatik Kelantan biasanya mengatakan cukup sukar hendak mendapatkan kain putih untuk mengecap batik. Berkenaan dengan perkara ini Kerajaan patut memberi pertolongan.

Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya katakan tadi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian membenarkan bawa masuk barang-barang dari luar negeri seperti mengimpot barang-barang dan kadang-kadang tidak dibenarkan. Tujuan tidak dibenarkan, tidak lain dan tidak bukan maksudnya baik untuk meninggikan harga barang-barang yang ada dalam Malaysia. Kita katakan motokar, walaupun boleh dibawa masuk tetapi diadakan sekatan iaitu dengan ada surat kebenaran dan sebagainya. Tujuannya, Tuan Yang di-Pertua, ialah oleh kerana hendak menghidupkan industri kita yang ada di Malaysia. Kalaulah niat Kerajaan begitu kepada setengah-setengah industri dalam Malaysia yang bahan-bahannya bukan daripada Malaysia, saya berpendapat amatlah baik kalau Kerajaan tekankan sekali lagi segala barang-barang yang boleh dibuat di Malaysia jangan dibenarkan barang-barang luar negeri masuk di sini. Contohnya macam saya katakan tadi alat-alat permainan yang dibuat daripada bahan Malaysia seperti kuda kayu dan barang-barang lain kalau benda ini dapat dibuat dari bahan-bahan Malaysia oleh kraftangan Malaysia bahan-bahan luar negeri patutlah disekat. Maka dengan jalan ini baharulah bahan itu mendapat pasaran dalam Malaysia kita sendiri dan juga kita boleh mengeksport keluar negeri.

Kalau sekadar kita mengadakan kraftangan dengan mengadakan barang-barang tetapi pasarannya tidak terjamin, jual tidak laku lambat sangat, walaupun kita iklankan. Orang-orang itu bekerja hendak mencari makan, kalau setakat hendak buat per-tunjukan setahun sekali macam KEMAS buat saya tidak nafikan tetapi kalau kita hendak buat tiap-tiap hari sebagai pekerjaan untuk mata pencarian rakyat, hendaklah

benda itu ada pasaran. Dengan ada pasaran, sebagaimana saya katakan tadi dua tiga segi, satu segi kita sekat setengah-setengah barang luar negeri yang setanding dengan sendiri gunakan barang itu selain daripada pelancung-pelancung. Saya yakin dan percaya, kalau kita buat begini segala kraftangan yang ada dalam Malaysia yang kita sendiri buat daripada bahan Malaysia seperti buluh dan sebagainya akan mendapat nilai yang tinggi dan akan mendapat sambutan. Dengan sebab itu, saya yakin satu hari nanti kalaulah hari ini orang berlumba-lumba berebut hendak mengambil lombong bijih, orang berlumba-lumba hendak mengambil hutan, mencari balak dan sebagainya, saya percaya dengan kita luluskan Rang Undang-undang Kraftangan ini harga buluh akan lebih tinggi, tanah pun akan berharga kerana dijadikan bahan kraftangan seperti buyung, periok dan sebagainya. Saya percaya juga satu hari nanti orang-orang akan berlumba-lumba mencari di mana adanya buluh, mencari tanah yang ada banyak bijih, mencari tanah pula di mana boleh dibuat periuk dan sebagainya.

Saya yakin kerana kalaulah sama-sama kita iklankan pada masa ini. Saya masih ingat di masa saya kecil dahulu, air dalam periuk yang dibuat daripada tanah, air dalam buyung yang kita minum itu sejuk bukan macam sejuk di peti ais tetapi sejuknya sedap diminum. Tetapi hari ini zaman sains dan teknologi tidak ada berpara, kadang-kadang bila dibubuh atas para kena asap api yang disalai air dalam buyung itu, baunya amat wangi. Apa yang saya katakan ini ialah perkara yang saya alami di masa lepas. Buyung dan periuk boleh dibuat daripada tanah, pendek kata segala bahan yang ada di Malaysia kita ini baik daripada buluh, tanah kulit kelapa yang boleh dibuat senduk dan sebagainya, ini amatlah cantik dan saya berpendapat kalau dari segi kesihatan pun dia lebih selamat daripada senduk yang dibuat daripada besi, kerana kalau tidak kena gayanya luka tangan kita, kalau sudah lama ia berkarat akan menjadi penyakit tetapi kulit kelapa selain daripada harganya tidak mahal, kalau lupakun tidak menjadi penyakit.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Bukan kulit tetapi tempurung.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Tempurung kelapa selain daripada harganya murah dan ada di tiap-tiap kampung, kalau saya fikir dari segi penyakit lebih baik kita buat senduk kelapa daripada senduk besi dan sebagainya. Maka dengan sebab itu saya harap sangatlah dengan adanya Rang Undang-undang ini akan menjadikan segala bahan-bahan yang pada hari ini tidak berguna akan berguna dengan syarat Kerajaan hendaklah betul-betul mengambil berat dari segi pasaran dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya berharap sangatlah kalau kita hendak menjaga segi pasaran, dari segi sekolah kita tidak mengambil berat, saya ingat haruslah tidak menjadi kesan kerana telah menjadi adat, yang kesannya Tuhan, manusia sifat baharu bagaimana kuat atau bagaimana gagah, bila sampai ajal kembalilah dia. Sebab itulah orang-orang kita dahulu, hari ini sudah tidak ada lagi; yang kekal Tuhan, manusia tidak kekal. Dengan sebab itu sebagai adat manusia hendak menyambung benda yang baik kita kenalah buat seperti kata orang: patah tumbuh hilang berganti, kita latihlah bakat-bakat baharu di segenap segi. Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, dari segi pertukangan baik apa yang dibuat kita katakan di segenap segi kerana banyak tukang kita di Malaysia ini. Kita hanya merdeka baharu 22 tahun lebih walaupun kita terlupa sekali gus segi kraftangan hari ini hendak luput tetapi hari ini kita hendak usahakan balik.

Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan khasnya Kerajaan dan kita yakin walaupun tukang-tukang itu tua tetapi masih ada lagi. Dengan sebab itu, saya harap sangat untuk menambahkan bakat supaya jangan putus pertukangan yang ada khasnya daripada luar-luar bandar maka saya berpendapat patut diberikan latihan ini kepada sekolah-sekolah dan sebagainya. Patutlah guru-guru selain dari kita beri latihan di segi lain, latihan kraftangan ini patutlah juga kita beri sebagaimana saya masih ingat, Menteri yang berkenaan pun ingat juga termasuklah Tuan Yang di-Pertua, semasa kita bersekolah dahulu ada guru mengajar pertukangan tangan. Saya ingat benda itu hendak dihidup kembali

maka kenalah adakan balik matapelajarannya di sekolah. Masa dahulu kita adakan pertukangan tangan di sekolah, pada masa ini patut diadakan balik. Bila kita buat Rang Undang-undang ini perkara pertukangan tangan di sekolah patut adakan balik, kalau tidak dia akan pupus. Kalau kepada jenerasi baharu ini kita tidak latih secara tidak langsung dia akan habis. Dengan sebab itu, saya harap sangatlah kepada Kerajaan patut diadakan pelajaran segi pertukangan tangan ini kepada sekolah-sekolah.

Yang kedua dari segi hadiah patutlah kita cuba ubah. Saya katakan tadi iklan itu patutlah diperbetulkan soalan iklan itu kita juga bekerjasama kalau ada hadiah yang diberi di sekolah-sekolah hendaklah kita hadiahkan kraftangan buatan Malaysia sendiri janganlah kita hadiahkan piala pula. Apa megahnya pada cup ini saya pun naik hairan bukan boleh buat satu benda cup juga dihadaiahkan—cup penuh, Thomas Cup itu—biarlah tetapi cara di kampung-kampung ini kita hadiahkan tepak sireh, satu benda yang menjadi menafaat. Kita dapat dua untung. Satu untung, kita menilaikan seni yang ada dalam Malaysia kita yang dibuat oleh Bumiputra kita sendiri, bukanlah kita menekankan Bumiputra sahaja, sebab kita memerintah semua bangsa, tetapi sebenarnya Bumiputra ini sudah lemah, jadi Bumiputralah yang kita titikberatkan. Kita ambil dua tiga untung. Untung yang pertama kita ambil apa yang dibuat oleh rakyat kita sendiri. Yang kedua untung kerana yang ambil itu dapat bunga. Misalnya tepak sireh, apa-apa bersesuaian dari kraftangan Malaysia sendiri. Jangan kita beri benda-benda cenderamata yang ada bermacam-macam gambar, sedangkan buatan kraftangan Bumiputra boleh didapati. Jadi hendaklah kita cuba mengubahnya supaya memberi menafaat kepada kraftangan kita sendiri. Itulah harapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi kraftangan ini hendaklah dibuat di tiap-tiap daerah, janganlah ditumpukan di Kelantan dan sebagainya, dan kalau boleh kita patut adakan pertandingan pada tiap-tiap tahun, cara alat pertukangan atau kraftangan ini supaya menjadi satu kemasyhuran atau menarik minat orang ramai atas kraftangan yang ada di Malaysia ini.

Satu lagi kalau boleh kita naikkan satu-satu kraftangan itu ditempatkan di sesuatu daerah misalnya. Umpamanya seperti kata Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu tadi perusahaan songkit Trengganu hendaklah dipertinggikan lagi mutunya. Ini saya tidak nafikan kecantikan asli songkit negeri Trengganu itu, sungguh cantik.

Yang kedua, perusahaan kain batik daripada Kelantan. Kalau negeri Perlis kalau tidak silap saya, periok. Jadi biarlah perusahaan masing-masing itu kita kembangkan dengan pertolongan Kerajaan. Kalau perkara ini semata-mata dibuat oleh pihak pengusaha itu sendiri, saya yakin dan percaya benda itu tidak akan maju dan tidak akan berkesan.

Dengan ini saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan saya berharap dengan adanya Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Kerajaan hari ini khususnya Kementerian Perusahaan Awam, saya percaya dua perkara yang akan menjadi kebaikan kepada kita:

- (1) Sebagai satu jalan menambah pendapatan kepada rakyat khasnya petani yang ada di luar bandar yang kebanyakan kraftangan mereka datang daripada luar bandar;
- (2) Menaikkan balik kebudayaan dan kesenian kita di segi kraftangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Matang.**

*5.03 ptg.*

**Tuan Hashim bin Ghazali (Matang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979 yang telahpun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam dengan menggantikan satu Lembaga Kraftangan Malaysia yang dikelolakan oleh MARA yang ditubuhkan pada tahun 1973 dahulu.

Saya mengambil kesempatan memberi beberapa pandangan yang ada kaitan berkenaan Rang Undang-undang ini, bagi menambahkan lagi pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang

telahpun dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar sebentar tadi. Dalam hal ini, saya juga mengambil kesempatan oleh kerana kawasan yang saya wakili ini, yakni kawasan Matang yanguduknya di dalam Daerah Larut dan Matang di dalam Negeri Perak, satu kawasan luar bandar dan di dalam kawasan ini pula banyak bahan-bahan kraftangan boleh didapati seperti mana di kawasan-kawasan luar bandar di dalam negeri Perak sendiri. Jadi oleh kerana itu, saya percaya bila Rang Undang-undang ini diluluskan kelak dan dapat diketahui oleh keseluruhan rakyat khasnya rakyat di kawasan saya sendiri, mereka akan berbesar hati dan saya percaya mereka akan berkata terima kasih banyak-banyak. Oleh sebab itu, saya bagi pihak mereka mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah bersusah payah menyediakan Rang Undang-undang ini dan dapat pula perhatian di dalam Dewan, saya percaya perlaksanaannya dapat berjalan dengan baik dan sempurna.

Selain daripada itu, tujuan Rang Undang-undang ini telah dimaklumkan, saya percaya Kerajaan menyedari sungguhpun sudah ada anak Perbadanan MARA yang disebut Lembaga Kraftangan Malaysia 1973 tetapi dari segi kraftangan yang dimaksudkan sehingga saat ini, saya ingat ianya tidak berhasil. Boleh jadi satu daripada sebabnya maka Rang Undang-undang Perbadanan ini diwujudkan kerana usaha-usaha yang telah dibuat oleh anak perbadanan MARA ini tidak berhasil.

Contohnya, semenjak atau sebelum adanya Lembaga Kraftangan Malaysia dahulu dan sesudah Lembaga Kraftangan Malaysia 1973 ditubuhkan sehingga saat ini, kita tidak dapat menunjukkan apakah wujudnya kraftangan ataupun alatan pertukangan di negara kita banyak dan dapat dibanggakan bukan di luar negeri, di dalam negeri sekalipun tidak boleh dibanggakan.

Kalau kita melawat dari sebuah rumah ke sebuah rumah misalnya, kita jarang dapat melihat alatan-alatan yang diusaha oleh bangsa kita sendiri, yang diusahakan oleh rakyat negara ini sendiri, tetapi kita lebih banyak dapat melihat alat-alatan moden atau alatan-alatan yang dapat dibeli atau dapat hadiah atau sebagainya daripada tempat-tempat lain ataupun di luar negara ini.

Kalau sesiapa melawat Filipina sebahagian daripada mereka akan balik membawa barang-barang kraftangan daripada Filipina. Begitu juga melawat ke Thailand, tambahan pula kalau mereka yang berada di tepi sempadan dengan Thailand seperti negeri Perlis, misalnya. Maksud saya sudah kuranglah kraftangan daripada negara kita sendiri yang boleh pula dibanggakan oleh negara kita dan dapat pula dibawa ke negara-negara lain. Barangkali pada saat ini, banyak kita dapati kraftangan daripada Sarawak, kerana usaha-usaha di sana, cara-cara yang dibuat dan cara-cara mereka memperkembangkan dan cara-cara memperkenalkan Sarawak di dalam Malaysia dengan wujudnya begitu maka Malaysia boleh juga terkenal melalui Sarawak misalnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada saat ini sungguhpun kita mempunyai Lembaga seperti mana yang kita katakan tadi kesulitan masih dihadapi. Masalah kraftangan ialah masalah luar bandar, masalah penduduk-penduduk yang duduk dalam kampung. Kita sebut kampung, pada masa ini disebut luar bandar dan boleh kita kata tugas-tugas, kerja-kerja kraftangan ini biasanya di Malaysia ini, di Semenanjung ini dibuat oleh orang-orang Melayu sendiri tetapi mereka menghadapi kesulitan.

Sebagai contoh pada masa ini mereka yang mengusahakan perusahaan batik menghadapi kesulitan mendapat kain putih untuk perusahaan kain batik tetapi kain batik wujud di dalam dunia ini daripada Indonesia, daripada Singapura dan sebahagiannya daripada Malaysia. Usaha-usaha sudahpun dibuat saya percaya oleh Kerajaan dengan mengadakan lawatan dan sebagainya oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk memperkenalkan usaha-usaha di dalam negaranya sendiri dan saya percaya Kerajaan sudahpun menjalankan supaya usaha batik pun dapat dipasarkan di seluruh dunia. Tetapi biasanya diberitahu negara-negara di dunia berkehendakkan kain batik dengan harga berjuta-juta ringgit, tidak mampu diusahakan di dalam Malaysia ini kerana tidak dapat kain putih yang dimaksudkan. Dan dengan sendirinya usaha-usaha yang diwakili oleh orang-orang Melayu untuk membuat kain batik ini sudah wujud di Singapura pada masa ini dan kita bimbang jika Kerajaan tidak mengawasi

dengan satu-satu cara yang berkesan usahawan kain batik yang ada di dalam negara kita akan hapus terus menerus kerana susah mendapat kain; kalau mendapat pula mahal buat kain dengan harga mahal, siapa hendak beli? Padahal rakyat di dalam negara kita boleh dapat kain batik di Singapura dengan harga murah, daripada Thailand dengan harga lebih murah. Maka dengan sendirinya rakyat tidak suka kepada usahawan di dalam negaranya sendiri.

Bukan itu sahaja, di dalam saat sekarang usahawan yang membuat alat-alat daripada tembaga saya melihat sendiri, kain batik pun saya telah melihat sendiri usahawannya, tembaga pun saya telah melihat sendiri usahawannya dan berbincang dengan mereka. Mereka menyatakan perasaan mereka kepada saya dan bukan saya sahaja, barangkali Yang Berhormat Menteri pun telah lebih tahu hal ini. Misalnya, tembaga ini barangkali boleh kita jumpa di mana-mana, di rumah-rumah di dalam negara kita kerana tembaga nampak cantik, elok dan menarik hati untuk diletakkan di tempat-tempat yang istimewa. Tetapi usahawan-usahawan tembaga ini menghadapi kesulitan kerana saya diberitahu tembaga ini didapati dengan cara mereka membeli sarung-sarung peluru yakni peluru kosong, peluru-peluru meriam daripada Kementerian dengan melalui pihak MARA. Dan kadang-kadang mereka mendapat bekalan yang tidak mencukupi dan saya telah diberitahu bukan sahaja bekalan tidak mencukupi, harga dinaikkan daripada semasa ke semasa. Patutlah satu masa dahulu satu benda yang dibeli dengan \$20 ataupun \$25 sekarang kalau Tuan Yang di-Pertua membeli sudah meningkat kepada \$40 dan sudah meningkat baru-baru ini kepada \$50 kerana mendapat bekalan itu yang susah dan harga pula tinggi.

Ini dihadapi sendiri oleh usahawan yang ada di dalam negara kita dan kebetulan pula usahawan-usahawan batik dan tembaga ini ialah terdiri dari Bumiputera yakni orang-orang Melayu sendiri. Sudahlah kraftangan berbagai-bagai bentuk yang disebut satu-persatu di dalam Dewan ini seperti labu air kain songket tikar dan sebagainya akan beransur-ansur hapus saya bimbang perusahaan kain batik, perusahaan tembaga inipun akan hilang di dalam negara kita dengan cara sepertimana yang saya katakan tadi. Oleh sebab

itu, saya yakin dengan kesulitan yang dihadapi, dengan apa yang saya telah dimaklumi dan bagaimana keadaan-keadaan usahawan kita yang sudah satu persatu akan luput di dalam negara kita ini sendiri, maka Yang Berhormat Menteri sedar dan diwujudkan satu Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, 1979 ini bagi mengatasi semula masalah yang dihadapi. Oleh sebab itu saya percaya jika Rang Undang-undang ini telah berjalan kelak di harap perusahaan batik tidak akan menjadi satu perusahaan yang tidak bermaya lagi, tidak bertenaga lagi dan apabila Rang Undang-undang ini diwujudkan jua bagaimana perusahaan tembaga akan hilang pula. Jadi ertinya Rang Undang-undang ini wujud, ia dapat mengawasi, dapat membela semula sepertimana yang disebut satu persatu oleh saya tadi.

Selain daripada itu, Rang Undang-undang ini juga dapat menunjukkan bagaimana mustahaknya diwujudkan kraftangan di dalam negara ini sendiri dan dengan melalui alat-alat yang dibuat melalui kraftangan ini ia juga dapat memperkenalkan Malaysia di luar negeri ataupun di negara-negara yang lain. Di dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Rang Undang-undang ini juga yang pertama bolehlah benda-benda yang didapati daripada luar bandar untuk membuat satu-satu benda, satu-satu alat, ia pula dapat dipasarkan dan apabila dipasarkan, kewangan dapat kepada mereka yang berkenaan.

Yang kedua, penduduk-penduduk di luar bandar pula dapat menampung supaya mereka dapat bekerja dengan cara sendiri ataupun dengan cara bekerja dengan majikan bagi perusahaan ini. Yang ketiga, ia juga dapat memperkenalkan Malaysia melalui kraftangan yang dimaksudkan.

Di dalam pelaksanaan bagi menjalankan undang-undang ini, saya dapati telah disusun satu persatu supaya ia dapat diperkemaskan dan dapat dijalankan dengan sempurna. Satu daripada seksyen yang ingin saya menyebut di sini ialah Seksyen 4—Keanggotaan Perbadanan. Dalam Seksyen 4—Keanggotaan Perbadanan ini ada menyebut terdiri daripada seorang Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Ketua Pengarah dan 5 hingga

9 orang ahli. Ertinya maksima paling tinggi 12 orang atau minima 8 orang pada saya tidak mencukupi oleh kerana masalah kraftangan ini memerlukan banyak tenaga. Sebabnya dia dapat memberi pandangan, tunjuk ajar, memberi galakan kepada penduduk-penduduk yang ada di luar bandar dan bukan itu sahaja Malaysia mempunyai 13 buah negeri. Saya percaya tidak mencukupi kerana ia melibatkan Sarawak dan Sabah yang berjauhan dengan Semenanjung.

Maka oleh itu, saya suka mencadang dan mengesyorkan, 5 hingga 9 itu ditukar kepada satu angka lain 13 orang. Yakni maksud saya 13 orang ini ia meliputi kepada seorang bagi sebuah negeri. Kalau sudah ada 13 negeri 13 orang jadi angka kepada keanggota perbadanan bagi Seksyen 4 ini menjadi 16 orang. Sepertimana saya katakan tadi, masalah ini satu masalah yang menghadapi kesulitan jika benar-benar hendak dijalankan maka perlu kita mempunyai tenaga yang cukup bagi membimbing, bagi menggalak supaya dapat ia menghidupkan semula kraftangan yang suatu masa dahulu sudah ada bukan benda yang tidak ada; suatu masa yang dahulunya ada tetapi tidak mendapat galakan dan ia menyebabkan jadi dengan keadaan begitu maka sudah sepatutnya dibangun, diusahakan dengan suatu angka yang saya katakan tadi.

Selain daripada ini, berkenaan dengan Seksyen 9, anak perbadanan. Jadi ertinya perbadanan ini bila wujud kelak dia boleh ada anak perbadananya sendiri dan anak perbadanan ini kalau tidak silap saya sepertimana anak perbadanan yang telah wujud seperti MARA mempunyai anak perbadananya sendiri, kalau tidak silap saya sepertimana PERNAS telah ada anaknya sendiri. Saya percaya maksud Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia pun apabila ada anak Perbadanan sendiri seperti itu juga yang bermaksud memberi kemajuan kepada tiap-tiap fungsi-fungsi ataupun tiap-tiap usaha yang diusahakan melalui kraftangan sepertimana yang dimaksudkan di dalam Rang Undang-undang. Saya menyokong anak perbadanan ini. Cuma saya memberi pandangan; pada saya, anak perbadanan ini sesuai melalui tiap-tiap fungsinya tiap-tiap bendanya, misalnya, anak perbadanan kepada kain batik, bermaksud diusaha

kepada kain batik sahaja. Anak perbadanan barang-barang tembaga diusahakan melalui barang-barang tembaga itu sahaja. Anak perbadanan yang dimaksudkan hasil daripada tanah, benda-benda yang dibuat daripada tanah. Tanah yang dimaksudkan di sini biasanya tanah liat dan begitulah seterusnya jika dapat diusahakan.

Saya ingin menyentuh Seksyen 13 ini berkenaan penubuhan Jawatankuasa dan penubuhan Jawatankuasa ini boleh ditubuhkan untuk menjalankan fungsi-fungsi yang disebut tadi. Jawatankuasa di sini menyebutkan ada seorang Pengerusi dan 5 orang lagi. Tidak ada Naib Pengerusi dan Timbalan Pengerusi. Tetapi pada pandangan saya kalau Pengerusi tidak dapat menghadiri satu-satu persidangan untuk menjalankan usaha-usaha yang dibuat oleh Jawatankuasa ini maka disebut di dalam Seksyen ini ia boleh dilantik daripada salah seorang daripada ahli jawatankuasa. Tetapi lebih baik pada pandangan saya ia patut dilantik seorang Naib Pengerusi supaya Pengerusi dan Naib Pengerusi dapat memimpin Jawatankuasa; dengan cara ini kalau tidak ada Pengerusi, Naib Pengerusi dan 5 orang lagi ini mencukupi menjalankan usaha-usaha yang dibuat oleh Jawatankuasa ini.

Di dalam hal ini, Tuan yang di-Pertua, bagi penubuhan Jawatankuasa, saya lebih suka ia kepada jawatankuasa di peringkat negeri. Oleh sebab kita sedia maklum usaha-usaha yang dibuat melalui tangan ini didapati ada perbezaan di antara sebuah negeri dengan sebuah negeri.

Sungguhpun ada persamaan Trengganu dengan Kelantan tetapi ia berlainan pula dengan negeri Perak. Perak ada berlainan pula dengan negeri Kedah, Perlis dan sebagainya. Maka saya lebih bersetuju jika ia ditubuhkan jawatankuasa yang dimaksudkan dalam Fasal 13 dijalankan di peringkat negeri yakni seorang Pengerusi, seorang Naib Pengerusi dan 5 orang lagi itu ia dapat berusaha supaya kraftangan yang dapat dihasilkan di dalam negara kita ini melalui negeri-negeri. Saya percaya dengan cara ini ia dapat menolong kepada perbadanan yang akan wujud pada masa hadapan apabila perkara ini telah diluluskan, tentulah di peringkat Kerajaan Pusat, di peringkat Kuala

Lumpur. Dan untuk memudahkan bagi menjalankan usaha-usaha yang saya katakan tadi ialah di peringkat negeri-negeri dapat memberi jalan menggalakkan, memberi kemajuan kepada usaha-usaha yang dibuat di peringkat negeri itu sendiri dan ia dapat menumpukan kepada cara-cara yang dijalankan oleh Perbadanan ini.

Apabila Rang Undang-undang ini berjalan kelak ia tentu untuk dilaksanakan Perlaksanaan sudahpun disebut satu persatu di sini. Cuma bagaimanakah pelaksanaan yang hendak dilaksanakan itu yakni benda-benda hasil daripada tangan ini, benda-benda daripada tempat mulanya dia sampai ke suatu peringkat atau ke suatu tempat yang menasabah. Katalah usaha yang dibuat daripada tembaga dari Trengganu. Daripada sebuah kampung atau sebuah tempat yang bernama 'A' yang diusahakan dengan jenis-jenis yang diminta ataupun disukai dia akan dibawa daripada suatu tempat ke suatu tempat dan ia akan sampai ke suatu tempat yang paling akhir biasanya. Kalau daripada sebuah kampung di Trengganu yang dibuat itu, dia biasanya tentulah datang ke bandar yang berhampiran. Biasanya kalau di Trengganu, Kuala Trengganu dan daripada Kuala Trengganu jika dimajukan lagi ia akan dibawa ke suatu bandar lain di dalam negara kita dan saya percaya akhir sekali di Kuala Lumpur inilah.

Daripada Kuala Lumpur jika benda ini menarik perhatian orang ramai dia akan dibeli dan dibawa ke luar negeri. Jadi maksud saya tadi daripada kampung 'A' benda itu dibuat dibawa daripada satu peringkat ke suatu peringkat mendapat yang terbaik sekali bagi hasil kepada usahawan yang berkenaan. Itu sebagai contoh yang paling senang kita nampak. Tetapi kalau di negeri Perak, labu air yang dibuat daripada tanah misalnya dari sebuah kampung 'A' tentulah memerlukan dibawa ke sebuah bandar di dalam negeri itu sendiri dan daripada sana akan dipasarkan sehingga daripada sebuah ke sebuah negeri di dalam Malaysia dan saya percaya peringkat yang paling tinggi pun berada di Kuala Lumpur juga. Jika menarik perhatian ramai ia juga dibawa keluar negeri jadi ertinya hasil kraftangan yang hendak diwujudkan di negara

kita bukan setakat itu sahaja yang memerlukan supaya mendapat pasaran dan pasaran itu hendaklah jadi satu pasaran yang baik dan menarik hati. Kalau sudah semua baik dan menarik hati tentulah mempunyai harga yang baik dan mereka yang bekerja mendapat yang baik, tentulah pekerja-pekerja suka bekerja untuk menjadi salah seorang pekerja kraftangan yang dimaksudkan. Bila disebut pekerja, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah bermaksud kita menggalakkan apabila sahaja ada sebuah kilang, ada sebuah pusat di suatu tempat yang mana hendak dijalankan kelak ia apabila hendak dipilih daripada pekerja-pekerja sepertimana pekerja-pekerja yang dipilih oleh kilang-kilang atau fakteri yang ada di dalam negara kita memerlukan kelulusan umur dan kecergasan. Tetapi dalam kraftangan ini saya rasa tidak bermaksud begitu kerana saya biasa tengok seorang wanita berumur 60 tahun boleh membuat kerja di dalam usahawan yang begini. Seorang tua lelaki umur 70 tahun pun boleh membuat usahawan bagini mereka yang tidak ada kelulusan yang tidak dapat apa-apa pekerjaan pun boleh. Jadi ertinya kraftangan yang saya katakan itu sudah ada di dalam negara kita, tetapi tidak digalakkan dan mereka sudah membuat sedikit-sedikit pada masa sekarang. Jadi apabila usahawan atau kraftangan yang seperti ini hendak dijalankan kelak sudah ada pekerja-pekerja di tempat masing-masing dan mereka janganlah apabila hendak dipilih menjadi pekerja-pekerja di satu-satu pusat yang berkenaan dipilih seperti pekerja-pekerja di kilang-kilang ataupun di tempat-tempat lain yang ada di dalam negara kita pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya maksudkan bagaimana hasil daripada kraftangan ini hendak dibawa daripada satu peringkat ke satu peringkat sehingga ia terkenal dan apabila ia dipegang ia akan disebut misalnya di luar negeri pegang sahaja benda ini disebut daripada Malaysia hasil ini yang kita dapat. Sungguhpun labu air kita sebut senang tetapi hendak buat susah dan apabila sudah dibuat pula diberi satu keistimewaan kepada labu air yang akan dijual barangkali dengan harga yang tinggi dan labu air ini apabila sahaja dipegang besok ia akan disebut labu air Malaysia. Di dalam hal ini

kalaulah dibiarkan dengan begitu kita katakan mereka kepada rakyat, saudara-saudara semua buat labu air, buat tikar, mungkin apabila mereka dengar begitu masing-masing akan berusaha buat labu air dan tikar dan sebagainya lagi. Tetapi kalau tidak diawasi bagaimanakah labu air dan tikar dan sebagainya tadi dapat dipasarkan dengan baik. Kalau sekiranya Kerajaan tidak memberi sebarang pertolongan yang sebaik-baiknya sepertimana di dalam negara kita ini Kerajaan sudah banyak memberi pertolongan kepada hasil di dalam negara kita. Misalnya, getah sudah menjadi satu hasil yang baik dan sudah naik harganya tinggi dan apabila sahaja disebut benda itu daripada getah lebih-lebih kalau di luar negeri biasanya disebut ini barangkali getah Malaysia, bijih timah dan banyak lagi satu persatu disebut. Begitulah juga dikehendaki kraftangan yang ada di negara kita ini pun hendaklah Kerajaan mengambil perhatian supaya ia sampai ke peringkat yang begitu.

Saya suka mengesyorkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya pada peringkat daerah dibuatkan pusat kraftangan. Pusat kraftangan ini dibahagikan kepada dua—A dan B. A—kawasan usahawan-usahawan untuk membuat kraftangan dan hasilnya dibagi kepada satu peringkat lagi. Daripada hasil yang dapat daripada pusat-pusat kraftangan ini dapat di luar-luar bandar yang seperti saya katakan dari peringkat daerah dapat dibawa hasil ini ke peringkat negeri. Daripada peringkat negeri pula dibawa hasil ini ke peringkat pusat, jadi Kerajaan memerlukan mengadakan pusat di peringkat daerah, peringkat negeri dan peringkat pusat. Katalah ia di kawasan Matang, kita memerlukan satu pusat di mana hasil-hasil ini dapat dikumpulkan di pusat ini dengan galakan yang diberikan apakah perlunya, apakah benda-benda ini patut diusahakan di kawasan yang berkenaan. Hasil yang begitu banyak dibawa ke peringkat negeri dan kalau dibawa ke peringkat negeri tentulah di kawasan Matang ini tempatnya di Ipoh, di Ipohlah patut dibuat satu pusat kraftangan yang besar supaya dapat dikumpulkan semua usaha-usaha di dalam negeri-negeri yang berkenaan. Daripada sana pula boleh dibawa ke peringkat pusat iaitu di Kuala Lumpur, oleh sebab itu satu pusat yang besar patutlah diadakan di Kuala Lumpur

dan di sana dapat dikumpulkan hasil-hasil kraftangan yang ada di seluruh negara ini dan dapat dijual dan jika menarik perhatian mereka daripada luar negeri, jika benda ini didapati banyak dapat dipasarkan pula ke peringkat luar negeri.

Pada fikiran saya, Tuan Yang di-Pertua, jika pusat-pusat yang sepertimana yang katakan tadi dari peringkat daerah ke peringkat negeri, ke peringkat pusat, saya yakin usahawan-usahawan, mereka yang berusaha di dalam kraftangan ini akan bertambah besar lagi usaha-usaha mereka. Dengan cara ini bukan sahaja negara kita mempunyai banyak bahan-bahan yang perlu untuk membuat kraftangan bahkan sudah dapat diwujudkan kraftangan yang berkenaan. Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini.

5.37 ptg.

**Tuan Au How Cheong (Telok Anson):**

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini yang berhubung dengan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

Saya berpendapat adalah kena masanya bagi Lembaga Kraftangan diperluaskan sehingga menjadi satu perbadanan bersendirian. Ini adalah suatu langkah yang baik untuk menggalakkan rakyat kita bagi menghargai dan menilai benda-benda yang cantik dan juga bersifat seni serta memberi perakuan kepada mereka yang mempunyai kemahiran seni dengan imbuhan yang berpatutan give due recognition to artistic skills with suitable reward. Pasaran kraftangan adalah amat besar dan belum dieksploitasikan oleh negara kita, tetapi perusahaan kraftangan itu khususnya di bidang pengeluaran batik telah dimajukan secara besar-besaran oleh Singapura beberapa tahun yang lalu. Adalah kemungkinan bahawa orang-orang yang berbakat seni yang baik sekali atau our best artists tidak ada dalam negara kita kerana mereka digaji oleh Singapura.

Dengan penubuhan Perbadanan ini saya berharap perindustrian kraftangan kita dapat dimajukan dan diperluaskan supaya craftsmen kita yang mahir itu dapat kembali dan berkhidmat dalam negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Bahagian I—Permulaan—Undang-undang ini: “keluaran kraftangan” ertinya apa-apa keluaran

artistik yang mempunyai dayatarikan kebudayaan atau tradisional. Saya berharap maksud ini meliputi juga keluaran barang-barang permainan kanak-kanak. Adalah dihairankan bagaimana kurangnya barang-barang permainan kanak-kanak buatan Malaysia. Jika satu kajian dijalankan bolehlah dilihat 99% jika bukan 100% patung-patung dan barang-barang permainan kanak-kanak yang dijual di kedai-kedai kita sekarang adalah barang-barang yang diimport.

Baru-baru ini sahabat-sahabat saya di Amerika meminta saya menghantarkan barang-barang permainan kanak-kanak Malaysia untuk pameran di New Jersey, U.S.A. Saya telah mencari selama 5 hari dan telah melawat tidak kurang daripada 20 buah kedai di Kuala Lumpur dan barang-barang permainan kanak-kanak buatan Malaysia tidak dapat ditemui. Oleh yang demikian, saya berharap semasa Kerajaan memberi segala dorongan untuk memajukan kraftangan kita, saya mencadangkan perusahaan keluaran barang-barang permainan kanak-kanak atau toys Malaysia dapat dimajukan juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.42 ptg.

**Tuan Hashim bin Endut (Ulu Muda):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang lain tadi menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979 yang mana kepujian yang tinggi perlu diberi kepada Menteri berkenaan kerana sanggup membentangkan satu Rang Undang-undang yang agak terpenting kepada negara kita. Dengan terbentangnya Rang Undang-undang ini dan akan diluluskan oleh Dewan ini setidaknya-setidaknya perusahaan tradisional yang hampir-hampir lenyap dan luput di dalam negara kita ini boleh dihidupkan semula.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap berkenaan dengan kraftangan mungkin kita tidak boleh lupa di atas jasa yang dimainkan oleh MARA ataupun RIDA pada masa dahulu. Dengan tertubuhnya Lembaga Kraftangan, wujudnya daripada Majlis Amanah Rakyat

itu maka kraftangan ini dapat dibimbing, dapat dimajukan daripada satu tingkat ke satu tingkat sehingga terfikirnya Menteri berkenaan mewujudkan Rang Undang-undang menubuhkan satu perbadanan khas untuk melihat kemajuan-kemajuan yang akan dicapai di dalam lapangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memanglah menyokong penuh di atas Rang Undang-undang ini kerana saya sebagai seorang wakil daripada Ulu Muda maka sudah tentu banyak jenis-jenis pertukangan tangan hasil daripada orang-orang di luar bandar. Banyak perusahaan-perusahaan yang agak terpendam seperti ukiran kayu, kelalai daripada buluh dan berbagai-bagai lagi. Kalau kita bercakap berkenaan dengan kraftangan, harus kita memikirkan apa dua tiga benda semata-mata yang terlintas di kepala kita. Kepada tinjauan saya selain daripada batik dan songket yang disebut-sebutkan oleh rakan-rakan saya di dalam Dewan ini, banyak lagi barang-barang tradisional wujud di dalam negara kita seperti keris, tongkat, tepak sireh, ukiran-ukiran daripada kayu dan ukiran daripada buluh, mengkuang, tidak ketinggalan jenis-jenis wau-wau bulan, wau budi, wau merak, wau helang dan wau kangkang dan sebagainya.

Bercakap berkenaan dengan wau ini saya perlu memberi kepujian yang tinggi kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di negara kita kerana hasil daripada Kementerian ini wujud berbagai-bagai jenis wau di dalam negara kita ini, bukan untuk permainan kanak-kanak atau permainan orang dewasa malah ini menjadi satu perusahaan yang besar di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, di Kedah permainan wau ini adalah satu permainan yang agak popular bersama-sama juga dengan negeri-negeri Trengganu, Kelantan dan juga Perlis. Hasil daripada galakan Kementerian tersebut tempahan-tempahan wau di dalam negara kita begitu baik sehingga tak sempat tukang-tukang wau hendak mengadakan wau dan harus kita berasa kagum harga sebuah wau yang begitu cantik yang dibuatkan oleh tukang-tukang wau ini boleh meningkat sehingga \$50 atau \$100. Dengan adanya perbadanan ini kita berharap supaya jenis-jenis wau ini juga boleh dimasukkan di dalam tugas perbadanan tersebut dan mungkin orang-orang di kawasan luar bandar di mana tempat waunya sedang dimanufacturekan maka

sudah tentu hasil pendapatan mereka juga akan bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka merujuk kepada Keanggotaan Perbadanan, di dalam Fasal 4, Rang Undang-undang ini. Saya juga bersetuju dengan wakil dari Matang tadi bahawa keanggotaan perbadanan ini didapati terlalu sedikit, hanya seorang Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Ketua Pengarah, 5 orang minimanya ataupun 9 orang ahlinya sebagai maksima, harus juga perkara ini ditambahkan lagi, kalau tidak di dalam keanggotaan ini harus bagi pihak Kementerian memikirkan supaya adakan satu badan penasihat yang mana badan penasihat ini terdiri daripada wakil-wakil daripada tiap-tiap buah negeri di dalam negara Malaysia kita ini sepertimana Lembaga Urusan Tabung Haji selain daripada badan anggota yang ada di dalam majlis itu mereka ada juga badan penasihat. Saya memandang sangat perlu kerana tiap-tiap buah negeri ada identitinya sendiri. Maka jikalau ada badan penasihat ini sudah tentulah wakil-wakil daripada negeri tersebut boleh memberi pendapat-pendapat yang mana negeri mereka agak maju dalam satu-satu jenis kraftangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, semasa RIDA dan juga MARA dahulu menjalankan tugas ini secara kecil-kecilan, MARA ada menghantar pegawai-pegawainya di luar negeri, pergi ke India, Filipina, Thailand dan ada juga pergi sehingga ke Holland dan sebagainya. Ingin saya menarik perhatian Menteri berkenaan masalah pengambilan pegawai untuk bertugas dengan perbadanan ini perlulah diberi perhatian sama, jikalau mereka yang sedang bertugas dengan MARA itu boleh juga dimasukkan (absorbed) juga dalam perbadanan ini kalau mereka ingin hendak bertugas dengan perbadanan baru yang mana perbadanan ini juga di bawah satu Kementerian yang sama.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, seorang pegawai yang bersemangat dedikasi tidak kita siapa ianya waima lelaki atau perempuan, kalau dia betul-betul bersemangat hendak bertugas dengan perbadanan ini perlulah diberi keutamaan oleh pihak perbadanan supaya mengambil mereka ini bertugas asalkan mereka betul-betul bersemangat dan kalaulah kita berhajat kepada mereka yang bersemangat, saya harap tidak ada yang

lain orang yang lebih mahir dan lebih cekap dalam masalah kraftangan yang ada puluhan manusia, puluhan pegawai di dalam Majlis Amanah Rakyat pada hari ini setidak-tidaknya apa yang dilatihkan kepada mereka di India ataupun di lain-lain tempat boleh digunakan semula oleh perbadanan yang baru ini dan saya harap pihak Menteri yang berkenaan tolonglah ambil ingatan dalam masalah ini supaya mereka juga boleh bertugas dengan badan baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak rakan-rakan saya sangat susah berkenaan dengan pasaran. Pasaran barang-barang tradisional yang dikeluarkan oleh orang-orang kita sehingga sahabat saya daripada Kangar tadi memandang perlu supaya kita adakan iklan-iklan sepertimana kita adakan iklan rokok-rokok.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, iklan-iklan serupa ini tidak perlu, cuma kalaulah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Perdagangan dan sebagainya betul-betul bersungguh-sungguh selain daripada Kementerian Perusahaan Awam hendak memajukan benda ini, maka sudah tentu barang-barang yang dikeluarkan oleh perbadanan ini mendapat pasaran yang baik di seluruh dunia, hanya kerjasama janganlah kita harap kepada Kementerian Perusahaan Awam semata-mata, kita minta juga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan sebagainya hendaklah memberi kerjasama yang serius supaya segala jenis pembuatan barang-barang tradisional ini boleh dimajukan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, pihak-pihak perancang negara, pihak arkitek, pihak engineers, planners dan sebagainya mestilah ambil peranan kerana hendak memajukan pasaran ini. Dalam merekakan bentuk-bentuk bangunan mestilah dimasukkan bersama ukiran-ukiran kayu ataupun ukiran-ukiran buluh yang dibuatkan oleh tukang-tukang tradisional di kampung-kampung sepertimana yang disuarakan oleh sahabat saya daripada Kangar tadi, di Hotel Hilton kita tengok ukiran silingnya daripada buluh dan kalau boleh Dewan yang mulia ini juga perlu digalakkan, selain daripada kita adakan ukiran-ukiran kayu di sekeliling Dewan ini, patut juga diadakan ukiran-ukiran

buluh sesuai dengan apa yang dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri, hendaklah ada pandangan baru, corak baru, perubahan baru di dalam Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah ada, sedang dirancang.

**Tuan Hashim bin Endut:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada itu, masalah pasaran. Saya ambil pasaran keris. Batik telah dicakapkan oleh rakan saya, songket telah dicakapkan. Masalah keris ini juga Kerajaan terutama sekali jemputan-jemputan negara. Jemputan-jemputan negara lazimnya disyaratkan memakai pakaian kebangsaan dan sebagainya tetapi malangnya pakaian kebangsaan yang dipakai oleh kita pada hari ini tidak cukup lengkap kerana tidak ada kerisnya bersama. Alangkah gagahnya, alangkah kacaknya jikalau keris itu dipakai oleh orang-orang yang duduk di dalam Dewan yang mulia ini, pakai suit Melayu dengan kerisnya, itu lebih cucuk, lebih segak, lebih kacak lagi. Maka . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak boleh benarkan keris dibawa dalam Dewan ini (*Ketawa*).

**Tuan Hashim bin Endut:** Itu sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua. Setidak-tidaknya jamuan-jamuan negara, maka tiap-tiap orang hendak memakai suit Melayu itu mesti dan terpaksa beli keris dan dengan sendirinya pasaran keris cukup laris di mana-mana juga.

Tuan Yang di-Pertua, pasaran tepak sirih. Satu perusahaan tembaga yang dibuat oleh tukang-tukang di Pantai Timur. Yang sebenarnya tepak sirih ini lebih mulia daripada duit yang kita ada berjuta-juta ringgit. Contohnya kita menghantar hantaran untuk hendak meminang orang, tepak sirih dibawa dahulu. Apa salahnya kalau tepak sirih ini diwajibkan ada di tiap-tiap buah rumah-rumah orang Melayu mesti ada tepak sirih, maka dengan sendirinya perusahaan tembaga ini dapat pasaran yang baik di seluruh negara kita. Kalau negara kita ada enam million orang Melayu, tiap-tiap buah rumah ada tepak sirih, berapa banyak pasaran tepak sirih yang kita boleh jual di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu Kerajaan kalau dapat tetamu-tetamu agong datang

ke negara kita, apa yang diberi. Selangor Pewter. Ini yang tidak ada value dari segi tradisional, dari segi kraftangan. Apa salahnya apabila perbadanan ini diluluskan, kalaulah tetamu agong, misalnya Perdana Menteri Vietnam datang ataupun sesiapa juga datang, kita beri tepak sirih sebagai ganti. Ini menunjukkan kebudayaan Melayu kita terjamin di situ. Maka dengan sendirinya kalau beribu misalnya pelawat datang, tepak sirih diberi sebagai hadiah, maka dengan sendirinya pasaran diselesaikan, tidak payah kita buat iklan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, ukiran kayu. Saya agak negeri Kedah dan Negeri Sembilan dan juga Kelantan memang pakar. Seseorang yang datang ke negeri Kedah boleh lihat, kalau dia tidak tengok Balai Besar dia tidak cukup syarat datang ke Kedah—Alor Setar. Ukiran kayu ini sangat penting dan juga kita boleh memasarkan ukiran-ukiran kayu ini dalam berbagai corak, seperti saya katakan tadi planners, arkitek boleh mensyaratkan mana-mana bangunan yang tinggi apabila kayu ada jangan bubuh kayu betul yang tidak ada ukiran ini, mesti bubuh kayu-kayu yang berukiran disyaratkan dalam pelan, maka dengan sendirinya tidak ada orang lain boleh lari daripada kehendak-kehendak sepertimana yang diluluskan oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kraftangan juga boleh memberikan identity tiap-tiap negara seperti Belgium. Kalau tiap-tiap orang melawat ke Belgium tidak cukup syarat dia pergi ke Belgium kalau dia tidak balik dengan satu souvenir kecil, dengan patung-patung budak kecil sedang membuang air kecil. Itu dapat pasaran baik. Saya pun ada satu bila saya pergi ke Belgium dan saya percaya ada di antara rakan-rakan saya di sini banyak yang bawa balik seorang satu. Begitu juga dengan negara Denmark dengan kemegahannya mermaid duduk di atas batu. Demikian juga India dengan ular sunduknya. Ini juga barang-barang tradisional.

Selain daripada itu, Thailand. Kita pergi ke Thailand banyak orang membeli gajah daripada teak. Itu kemegahan negeri Thailand, tetapi kita di sini hendak beli apa, yang mana satu barang yang boleh diidentitykan negara kita. Kalau kita pergi ke Melaka, kita boleh beli kereta lembu. Itu hak Melaka. Negeri

Melaka dibaginya kereta lembu. Memanglah tamaddun asalnya kita ini di Melaka naik kereta lembu, bentuk dan corak kereta lembu itu boleh dikata satu kraftangan. Tetapi bagi Malaysia apa. Saya kata tepak sirih tadi yang baik sekali, identitykan negara kita dengan tepak sirih ataupun keris, ataupun tanjak dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat sahabat saya dari Matang tadi supaya menubuhkan pusat-pusat tempat mengumpul barang-barang tradisional ini di tiap-tiap buah negeri ataupun di tiap-tiap buah daerah kerana ini sangat perlu. Di dalam lawatan saya ke India, kraftangan ini diberi keutamaan, satu jenis perusahaan yang diberi keutamaan oleh Kerajaan India sepertimana kita juga hari ini akan merangkakan satu Rang Undang-undang hendak memberi nilai yang sama sepertimana Kerajaan India memberi nilai kepada perusahaan tangan. Maka pusat-pusat yang seperti ini perlulah diadakan setidak-tidaknya kalau negeri Kedah yang kita boleh keluarkan kemegahan negeri Kedah dengan keris dan tongkatnya, kalau dia pergi ke Kedah, sudah tentu dia dapat tongkat; kalau pergi ke Melaka, dapat kereta lembu tadi, kalau pergi ke Kelantan. Trengganu dapat songket dan batik mereka, maka mustahaklah Lembaga ataupun Perbadanan Kraftangan Malaysia ini memikirkan benda ini yang mana banyak di antara wakil-wakil sahabat saya tadi memanglah berasa sulit, berasa sukar dalam masalah pasaran ini, takut-takut tidak ada pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya baliklah pula kepada apa yang pihak Kementerian ini memikirkan hendak memajukan perusahaan tangan ini. Perusahaan tangan ini sungguhlah mustahak digalakkan, mustahak dihidupkan setidak-tidaknya daripada perusahaan tangan ini kita boleh mencorakkan dan merancangkan rupabentuk negara kita, yang kita memang kaya—memang kaya dengan segala jenis pertukangan yang dijalankan di seluruh negara kita ini. Tidak kira daripada orang-orang Melayu, orang-orang Tionghua ada kebudayaan dan jenis pertukangannya sendiri sepertimana yang disuarakan oleh wakil daripada Telok Anson tadi dan saya percaya rakan-rakan kita daripada orang India juga ada dengan seni kebudayaannya sendiri. Maka dengan itu

Lembaga Kraftangan ini saya meminta oleh kerana kita di dalam negara Malaysia ini adalah satu negara yang berbagai bangsa janganlah kita mengadakan satu jenis kraftangan yang bercorak kemelayuan semata-mata. Kalau boleh biarlah kraftangan ataupun barang-barang tradisional daripada kaum-kaum lain juga digalakkan melalui Perbadanan ini. Oleh yang demikian, pegawai-pegawai yang hendak bekerja dalam Perbadanan ini mestilah terdiri daripada mereka yang betul-betul mahir, betul cekap, betul-betul dedikasi hendak memajukan hasil keluaran negara kita yang bercorak kraftangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya agak mustahaklah saya beri sokongan yang kuat dan juga saya memberikan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri yang berkenaan kerana hendak membentangkan Undang-undang ini dan kita percaya Rang Undang-undang ini dapat diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini. Apabila ianya telah diluluskan, maka sudah tentulah perkara-perkara ataupun kerja-kerja yang dijalankan oleh MARA itu diasingkan dengan tugas biasanya yang pada hari ini setahu saya tugas MARA begitu berat, begitu banyak beban dilonggokkan kepada MARA. Setidak-tidaknya dengan ditubuhkan perbadanan ini tugas yang ditanggungkan kepada MARA dapat diambilalih oleh perbadanan baru, apatah lagi pegawai-pegawainya yang betul-betul mahir dan betul-betul cekap dalam masalah perusahaan tangan ini boleh diserapkan sama di dalam perbadanan baru ini.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya lagi sekali menyokong kuat supaya Rang Undang-undang ini diluluskan.

*6.04 ptg.*

**Puan Shariffah Dorah binti Mohammed (Semerah):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syukur kepada Tuhan dan terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Perusahaan Awam yang telah membentangkan Rang Undang-undang Perbadanan Kraftangan Malaysia 1979. Saya juga bersetuju dengan rakan-rakan saya yang mencadangkan supaya diadakan balai kraftangan yang lengkap di tiap-tiap negeri supaya cottage industry yang diusahakan oleh rakyat itu

dapat dipasarkan bukan sahaja ke luar negeri bahkan dalam negeri juga.

Perusahaan songket Trengganu, tekatan-tekatan daripada Perak mulai pupus bukan kerana tiada pembuatan tetapi bahan-bahan yang diperlukan seperti benang-benang emas adalah diimpot daripada luar negeri dan dikenakan cukai yang tinggi dan ini adalah menumpulkan semangat kaum Bumiputra yang hendak menjalankan perusahaan itu. Dengan itu saya berharap Menteri Kewangan akan dapat menurunkan cukai bagi menggalakkan perusahaan ini supaya dapat hidup dan diteruskan. Barang-barang buatan tembaga, kaki lilin, dulang-dulang masih lagi digemari dan digunakan oleh segenap lapisan rakyat khususnya orang Melayu. Tembaga yang banyak terdapat di Sabah yang diusahakan oleh pengusaha Jepun, yang sepatutnya dawai kabel yang diperlukan oleh Lembaga Letrik, sepatutnya tidak payah lagi diimpot dari luar negeri dengan harga yang tinggi dan mahal. Saya kira mengusahakan tiang lampu letrik juga termasuk dalam kategori perusahaan tangan. Pada masa ini tiang-tiang lampu diimpot daripada Indonesia. Padahal kita sendiri mempunyai simen, pasir dan air percuma daripada bekas-bekas lombong itu boleh diusahakan, dijadikan tiang-tiang lampu yang saya fikir boleh menyelamatkan berjuta-juta wang negara kita kerana sebatang tiang lampu yang diimpot harganya tidak kurang \$250.00.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiang lampu hendak berukir jugakah?

**Puan Shariffah Dorah binti Mohammed:** Daripada kraftangan. Pertukangan emas di negara kita sangat mendapat perhatian dan pasaran yang baik di luar negeri. Beberapa orang ahli perniagaan yang turut serta dalam rombongan Kementerian Perdagangan telah memperdagangkan dengan sangat laris hasil kraftangan pertukangan emas. Tidak kurang setengah juta ringgit telah laku dalam sekelip mata. Begitu juga alat-alat kebesaran negara seperti cokmar yang di hadapan kita, di hadapan Tuan Yang di-Pertua, ini adalah usaha tangan yang boleh dibanggakan diharap setiap pertukaran hadiah dan cenderamata yang hendak diberikan kepada orang luar baik daripada pihak Raja-raja, Menteri-menteri dan rakyat hendaklah daripada hasil kraftangan sama ada berupa

pedang, set (teh) ataupun (kopi) ataupun dulang pewter yang melambangkan kebesaran dan motto negara. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sabda Rasulullah s.a.w.: Tahadau tahabbu (Bertukar-tukar hadiah itu bertambah-tambah muhibbah).

Kita masih ingat semasa Raffles hendak balik ke negerinya, menurut Hikayat Abdullah Munshi, beliau telah membawa pulang bersama-samanya tidak kurang 300 jenis kupu-kupu yang telah dikeraskan. Maka saya ingin mencadangkan supaya taxidermist dalam negara ini akan berusaha mengeraskan jenis-jenis binatang liar dan buas seperti ular, harimau, landak, pelanduk dan lain-lain bukan hanya untuk disimpan di muzium, tetapi juga untuk dipasarkan kerana perkara-perkara seumpama ini adalah menjadi kegemaran kepada orang-orang kaya dan berada. Wanita-wanita biasanya adalah golongan paling kuat dan berani membeli terutama kalau dipropagandakan untuk memikat suami umpamanya, bedak-bedak menghilangkan jerawat dan bau-bauan, mengelokkan potongan dan membaiki badan. Pada masa ini ubat-ubat "Air Mancur" daripada Indonesia, bedak Siam adalah jenis kosmetik yang paling laris.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini apa kena mengenai dengan kraftangan (*Ketawa*). Kalau tempat dia barangkali sesuaihlah.

**Puan Shariffah Dorah binti Mohammed:** Fasal daripada beras dibuat bedak sejuk dengan bunga-bunga. Kipas cendana dan juga sabun-sabun cendana daripada India itu didagangkan ke mari adalah sangat laris. Jadi saya kira rakyat di negara ini juga tidak kurang berpengalaman dan berkebolehan yang boleh mengusahakan perkara ini di Malaysia.

Selain daripada itu, sekiranya ada pelancung-pelancung yang datang daripada luar negeri dan melawat ke masjid-masjid, kita tidak ada membekalkan mereka balik dengan satu souvenir sebagaimana kita melawat ke gereja-gereja mereka yang mana kalau kita pergi boleh beli satu set photograph yang menceritakan hal-hal gereja dan lain-lain sejarah negara mereka. Dari itu selain daripada mengadakan balai kraftangan yang lengkap bukan sahaja di tiap-tiap negeri

untuk mempromosikan barang-barang yang telah siap, maka saya juga suka mencadangkan supaya diadakan plant di mana usahanya yang sedang dijalankan itu dapat disaksikan oleh pelancung-pelancung yang datang itu dan ini adalah satu cara lagi memperkenalkan nama Malaysia.

Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

6.10 ptg.

**Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):**

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang ini. Sungguhpun Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia yang dikemukakan pada petang ini adalah lambat sedikit tetapi adalah tepat masanya untuk Kerajaan memberikan keutamaan untuk membangun dan memajukan perusahaan kraftangan Malaysia.

Sepertimana yang diterangkan dalam Fasal 2 iaitu "keluaran kraftangan" yang diertikan iaitu keluaran artistik yang mempunyai daya-tarikan kebudayaan atau tradisional. Ini sudah menunjukkan bahawa kebudayaan atau kehidupan sesuatu kaum atau sesuatu masyarakat atau sesebuah negara biasanya bolehlah dicerminkan dalam keluaran kraftangannya. Tetapi dengan kesalnya saya perlu menyatakan di sini ialah selama ini negara kita sudah kelalaian untuk memberikan bantuan dan galakan bagi rakyat Malaysia menggunakan tangan sendiri untuk mencipta dan mengeluarkan barang-barang yang boleh mencerminkan corak kehidupan kebudayaan tradisi masing-masing. Umpamanya, di negeri Melaka banyak kraftangan telah dikeluarkan tetapi mereka selalu menghadapi masalah umpamanya untuk memperolehi bahan-bahan atau menghadapi masalah pemasaran. Mereka kadang-kadang tidak dapat tempat yang sesuai untuk menjual barang-barang mereka bagi rakyat tempatan atau pelancung-pelancung asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir perusahaan pembangunan kraftangan juga adalah merupakan satu perusahaan yang mustahak yang boleh juga menambahkan hasil pendapatan negara kita dan juga boleh menjadi satu pusat penarikan pelancung ke Malaysia. Biasanya dari kraftangan baik

rakyat dari luar negeri atau rakyat Malaysia. masing-masing boleh menilai dan memahami bagaimana corak kehidupan tiap-tiap rakyat di tiap-tiap negeri umpamanya Perak, Kelantan dan Melaka. Di sini perlu saya mencadangkan bahawa Kerajaan bukan sahaja perlu memberikan segala peransang dan galakan dalam bentuk kewangan atau nasihat untuk menggalakkan mereka mengeluarkan barang-barang kraftangan yang lebih kreatif yang bercorak ke Malaysian supaya barang-barang ini bolehlah dipublikasikan untuk seluruh negara dan dunia amnya.

Di sini kalau kita mahu menjayakan perusahaan pengeluaran kraftangan, saya fikir Kementerian Perusahaan Awam perlu mengadakan satu bangunan atau pusat kebangsaan di Kuala Lumpur untuk mempromosikan semua kraftangan-kraftangan yang bersejarah yang bercorak kenegerian di dalam bangunan ini supaya pelancung-pelancung asing atau pemimpin-pemimpin negara asing bila melawat ke Malaysia bolehlah mereka menikmati dan menyaksikan bagaimana cara kehidupan rakyat Malaysia yang berbilang kaum itu.

Yang kedua, saya mencadangkan bahawa Kementerian boleh melalui Duta untuk mengadakan pusat di tiap-tiap negeri supaya kraftangan yang dikeluarkan di tiap-tiap negeri ini boleh dipamerkan juga di dalam bangunan khas untuk kraftangan itu.

Ketiga, saya juga berharap Kementerian Perusahaan Awam boleh memberikan bantuan atau nasihat atau menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk menolong rakyat tempatan yang ada terlibat dalam pengeluaran kraftangan itu untuk mengeksport barang-barang kraftangan mereka ke luar negeri. Segala masalah-masalah yang mereka hadapi seperti yang disebutkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tadi terutamanya bahan, pasaran, pengeluaran dan lain-lainnya dan juga saya fikir Kementerian Perusahaan Awam melalui perbadanan yang akan ditubuhkan baru-baru ini boleh memberikan lebih banyak ideal supaya lebih banyak kraftangan yang kreatif, yang lebih baik dan mendalam yang mencerminkan kehidupan dan kebudayaan Malaysia ini boleh dikeluarkan supaya ianya boleh menjadikan satu barang yang boleh membawa sumber pendapatan dan

boleh menjadi satu cermin mata untuk mencerminkan kehidupan dan kebudayaan tradisi Malaysia, Tuan Yang di-Pertua.

6.15 ptg.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh):** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia ini, terlebih dahulu mengucapkan berbanyak terima kasih kepada wakil dari Kota Melaka yang telah menyokong Rang Undang-undang ini dan telah memberi beberapa pendapatnya. Jadi inilah yang kita kehendaki kalau satu undang-undang itu baik dan memberi kepada rakyat maka walaupun kita Pembangkang kita mestilah menyokong. Jadi sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan berharap pada masa-masa akan datang kalau undang-undang seperti ini timbul atau undang-undang yang lain haruslah sokongan seperti ini diberi supaya faedah yang dapat itu kepada rakyat bukan kepada Wakil Rakyat itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Undang-undang ini apa yang disebutkan oleh wakil dari Kota Melaka tadi ada disebut dalam kuasa-kuasa perbadanan. Di dalam Fasal 8 telahpun menyebut soal pemasaran, soal menjaga mutu, soal beberapa perkara di dalam kraftangan ini. Saya rasa sokongan yang diberikan itu dan dengan apa yang dibacakan tadi saya rasa memang sepatutnyalah terima kasih diberi kepada wakil dari Kota Melaka. Apa yang saya hendak sebutkan di sini ialah menyokong Rang Undang-undang Kemajuan Kraftangan Malaysia ini, saya suka menyebut beberapa perkara-mungkin telah disebut atau tidak disebut, tetapi apa yang penting di sini ialah kita tidak mahu perbadanan seperti ini akan hanya menambahkan perbadanan sahaja. Apa yang penting biarlah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia ini memberi satu peranan yang penting bukan sahaja bagi meninggikan mutu kraftangan, tetapi memberi sumbangan di dalam Dasar Ekonomi Baru kita, sebagaimana yang telah disebutkan oleh beberapa orang wakil tadi iaitu memberi peluang pekerjaan kepada orang-orang miskin, orang-orang kampung yang memang kaya dengan pekerjaan-pekerjaan kraftangan ini walaupun golongan tersebut tidak mempunyai kelulusan-kelulusan tinggi

tetapi kemahiran yang ada pada mereka itu boleh memberi satu sumbangan kepada negara untuk memperkenalkan kraftangan ini selain daripada untuk menambah pendapatan mereka.

Selain daripada itu, sebagaimana yang kita tahu bahawa kraftangan ini adalah satu pekerjaan yang ringan mempunyai kemahiran. Kita dapati banyak perkara ini telah dilakukan oleh orang-orang cacat anggota misalnya. Orang-orang cacat anggota telahpun membuat kerja-kerja sebagaimana yang telah dilakukan oleh Kementerian Kebajikan Am untuk memberi mereka yang tidak upaya itu pekerjaan dan kerja-kerja ini patut diberi kepada golongan tersebut dan memberi latihan yang lebih baik kerana mereka ini walaupun tidak upaya dalam tenaga kerja-kerja berat tetapi mereka ini dapat memberi sumbangan kepada kraftangan kita. Apa yang saya hendak tekankan satu lagi iaitu soal nilai ataupun mutu kraftangan. Banyak di antara perkara-perkara yang dikeluarkan dengan hasil seni ini kadang-kadang kita tidak dapat mengawal mutu ataupun memberi nilai yang sama tiap-tiap satu keluaran itu.

Misalnya sebagaimana yang pernah berlaku kepada kain buatan Malaysia. Pihak MARA tidak begitu dapat membuat pemasaran tentang kain batik dengan menerima sambutan daripada negara luar yang begitu baik kerana kita tidak dapat menjaga mutu keluaran kain batik itu dari segi corak, warna dan kualiti kain dan sebagainya. Kerana perkara ini kita masih bergantung lagi dengan negara luar. Kadang-kadang dari segi kainnya kadang-kadang dari segi warna kainnya itu tidak dapat kita hendak menjaga mutu pengeluaran Malaysia itu menyebabkan negara-negara lain tidak begitu suka kepada batik buatan Malaysia. Jadi dalam bahagian kraftangan ini, perkara ini patut dipentingkan dahulu iaitu di dalam kuasa-kuasa Perbadanan ini untuk memelihara mutu pengeluaran kraftangan ini supaya dapat diterima oleh negara-negara lain sebagai satu pengeluaran yang bernilai yang boleh diakui yang tidak boleh ditiru oleh negara-negara lain.

Dalam kraftangan ini banyak telah disebut oleh saudara-saudara saya tadi, misalnya, dalam bahagian ukir-mengukir, ukiran kayu, ukiran perak. Ini telahpun mendapat kedudukan yang baik dalam negara kita kerana

setelah mendapat galakan daripada Kerajaan di bawah Perbadanan yang lama tetapi perkara ini patut ditekankan lagi diberi galakan bahawa ukiran-ukiran kayu dan perak ini patut diberi sebagai satu hebahan supaya semua berguna, dan mutunya itu tidak berubah, misalnya, kalau sekali ini saya beli satu benda dalam ukiran perak maka pada kali kedua saya membeli ukiran yang sama tetapi ukiran itu tidak mempunyai perubahan daripada apa yang saya beli asal, sebagaimana saya katakan tadi kita hendak mengadakan hadiah-hadiah, menjadikan alat-alat kraftangan ini sebagai hadiah sukan tetapi untuk mengadakan hadiah sukan itu tentulah mutu pengeluaran itu hendaklah di antara sesuatu benda itu hendaklah sama, tidak berubah-ubah. Tetapi hadiah nombor satu juga tidak sama dengan hadiah nombor satu yang lain dengan sebab ukirannya. Inilah patut dipelihara oleh pihak-pihak tertentu dalam Perbadanan yang apabila Rang Undang-undang ini diluluskan.

Selain daripada itu juga setelah Akta ini diluluskan saya mencadangkan pihak yang berkuasa di dalam Perbadanan Kemajuan Kraftangan ini akan mengadakan satu convention ataupun satu seminar bagi mengumpulkan dan juga mengadakan pameran sebagaimana dikatakan oleh wakil dari Kota Melaka tadi. Jadi dengan mengadakan convention seperti ini bukan sahaja Perbadanan ini dapat mengumpulkan pihak-pihak yang berkemahiran di dalam kraftangan ini tetapi juga dapat mengetahui apakah dan berapa banyakkah kraftangan yang telah dihasilkan oleh rakyat kita yang telah ada di dalam negara kita sekarang, keadaan ini kerana ada di antara kita tidak tahu misalnya orang Johor tidak akan tahu kraftangan yang ada di Kelantan dengan seluas-luasnya. Begitu juga orang Kelantan tidak akan tahu apa kraftangan yang telah dihasilkan oleh orang Negeri Sembilan, Melaka dan orang negeri lain. Jadi dengan adanya satu convention seperti ini bolehlah ahli-ahli yang pandai dalam ukiran atau dalam kraftangan ini berbincang bagaimanakah caranya di dalam menjaga mutu yang saya sebutkan tadi supaya hasil itu dapat benar-benar memberi nilai kepada negara-negara lain yang hendak memiliki benda-benda itu. Dalam convention ini juga dapat dibincangkan segala masalah

yang timbul bagaimana dalam masalah pemasaran, masalah bantuan Kerajaan kepada bengkel-bengkel, atau bantuan daripada Perbadanan Kemajuan Kraftangan ini di dalam masalah mendapat nasihat. Juga di dalam convention itu dapat juga memperkenalkan apa yang disebutkan tadi ukiran-ukiran yang belum lagi timbul atau jenis kraftangan yang belum lagi timbul, yang belum lagi diperkenalkan. Selain daripada itu setelah ahli-ahli pakar-pakar dalam bahagian Kraftangan ini berjumpa tentulah mereka akan membuat satu keputusan yang membina yang boleh meninggikan taraf pengeluaran mereka.

Selain daripada itu juga, walaupun ada setengah-setengah pihak yang tidak begitu mahir di dalam menjaga mutu atau nilai tersebut tadi boleh juga ataupun ada di antara rakan-rakan kita yang telah pun keluar di antara perkara-perkara latihan keluar negeri tadi, maka latihan ini boleh juga diberi kepada golongan-golongan yang saya sebutkan tadi golongan yang mahir dalam kraftangan ini dihantar ke luar untuk mempelajari apa-apa kraftangan yang ada di luar negeri dan juga dalam bahagian untuk menjaga nilai mutu tadi. Ini juga mesti dapat latihannya akan terdapat di luar negeri. Jadi kita hendaklah bukan sahaja menghantar orang-orang yang mahir di dalam kraftangan tadi tetapi menghantar orang-orang yang boleh memimpin kepada menjaga mutu dan nilai yang saya sebutkan tadi.

Selain daripada itu bagaimana yang kita maklum bahawa dengan adanya Perbadanan ini tentulah pihak Kerajaan akan memberi galakan dan juga di samping Kerajaan memberi galakan itu saya rasa orang ramai boleh memberi sumbangan kepada Perbadanan ini bagi memperkenalkan ataupun misalnya kita kata pemasaran bagi menggunakan, memperbanyakkan bahan-bahan kraftangan ini ke dalam perhiasan rumah seperti saya sebutkan tadi misalnya dalam pakaian kita pun dengan harga yang murah banyak barang-barang perak yang boleh kita beli di Kelantan dengan harga yang murah tetapi boleh kita gunakan bahan-bahan kraftangan itu. Saya tidak sebut benda-benda perak itu, misal kata tie-pin seperti saya pakai ini, ini bahan kraftangan perak yang dibuat di Kelantan. Benda ini mahal \$4.50 sahaja, kalau kita bandingkan

yang dibuat di kedai-kedai itu dengan harga \$8; \$9 itu, saya rasa dari segi nilai kita sebagai rakyat adalah lebih baik kita menggunakan bahan-bahan itu yang dihasilkan daripada kraftangan Malaysia kita ini.

Selain daripada itu juga mungkin di dalam melaksanakan Perbadanan ini kita bukan sahaja ada satu Perbadanan ini di peringkat pusat sebagaimana disebutkan oleh rakan kita tadi, tetapi harus juga kita mengadakan di peringkat negeri dengan ada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di peringkat negeri untuk menguruskan atau untuk mengumpul atau untuk memberi sebarang bimbingan bagi memajukan perusahaan kraftangan ini kerana bagaimana kita tahu bagaimana disebut banyak benda-benda ini yang tidak muncul yang tidak dikenali oleh pihak-pihak luar kerana tiada galakan tiada orang yang mahu mengambil tahu dan kalau sekiranya bengkel itu dapat membuat sesuatu tetapi mereka tidak mempunyai modal yang besar kadangkadangkang mereka membuat barang-barang kraftangan ini satu barang kraftangan sampai seminggu mereka membuatnya. Ini tidak memberi hasil ekonomi yang baik. Jadi bimbingan seperti ini haruslah diberi oleh pegawai-pegawai yang ditempatkan di peringkat negeri jika perlu mungkin juga diadakan di peringkat daerah sebagaimana perbadanan lain kerana apabila sudah mengadakan satu Perbadanan seperti ini sudah tentulah pihak rakyat ataupun pihak orang-orang yang cenderung dalam bahagian ini akan mengambil perhatian lebih dan berjumpa dengan pegawai itu . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Perbahasan ini akan disambung pada hari esok.

## PENANGGUHAN MESYUARAT

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Dato' Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN PENANGGUHAN KILANG-KILANG HARAM DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN

6.32 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Speaker, Dewan Bandaraya pada masa ini sedang mengumpulkan satu senarai kilang-kilang haram ataupun kilang-kilang yang tidak berlesen di Bandaraya Kuala Lumpur dan juga di sekitarnya termasuk kedai-kedai tukang besi, workshops kereta dan kedai-kedai mengecat kereta. Kebanyakan kilang-kilang yang tidak berlesen ini boleh didapati di sepanjang kawasan-kawasan Jalan Cheras, Jalan Chan Sow Lin dan Jalan Sungai Besi. Baru-baru ini kebanyakan kilang-kilang haram ini telah diberi notis pindah oleh pihak berkuasa.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, koram tidak cukup.

*(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, kurang daripada 26 Ahli hadir).*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan sehingga hari esok, jam 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.35 petang.*